




ATUR CARA MESYUARAT AGUNG KOSMA KALI KE 34 4 JUN 2016 (SABTU)



- 8.00 pagi : Pendaftaran Anggota-Anggota KOSMA di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan, Pahang Darul Makmur
- 8.30 pagi : Anggota-Anggota KOSMA mengambil tempat di Dewan
- Bacaan Doa
- Ucapan Pengerusi KOSMA
Y.H. Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim
- Penyampaian Anugerah dan Pampasan
- Mesyuarat Agung dimulakan

SENARAI KANDUNGAN

Notis Mesyuarat Agung	1-2
Kata-kata Aluan Y.A.B. Menteri Besar Pahang	3
Kata-kata Aluan Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Pahang	4
Secebis Rasa Pengerusi Koperasi Serbausaha Makmur Berhad	5
Maklumat Penting KOSMA	6
Anggota Lembaga	7
Sorotan Kalendar Sessi 2015/2016	8-11

AGENDA MESYUARAT

1 Melantik Satu Jawatankuasa Yang Terdiri Daripada Enam Anggota dan Empat Orang Anggota Lembaga termasuk Pengerusi Untuk Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-34 pada 4 Jun 2016.	12
2 Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-33 pada 13 Jun 2015.	13-64
3 Menimbang Laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalamannya bagi Tahun 2015/2016.	65-84
4 Menimbang dan Meluluskan Akaun-akaun Teraudit Koperasi dan Subsidiarinya, Jika Ada, Termasuk Pembahagian Keuntungan Bersama Dengan Laporan Juruaudit bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2015.	85
5 Menimbang dan Meluluskan Pindaan Anggaran Belanjawan Tahun 2016 dan Anggaran Belanjawan Tahun 2017.	86-101
6 Meluluskan Elaun-elaun Kepada Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalamannya dan Saraan Kepada Anggota Lembaga Yang Dilantik Sebagai Pengarah Bagi Subsidiari Koperasi ini.	102-103
7 Menimbang dan Meluluskan Ruang Lingkup dan Had Pelaburan Yang Dibiayai Oleh Wang Lebihan Koperasi ini.	104
8 Menentukan Had Maksimum Keterhutangan Koperasi.	105
9 Meluluskan Perlantikan Suatu Panel Firma Audit Untuk Mengaudit Akaun Koperasi Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016.	106
10 Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa cadangan atau Urusan Perniagaan lain Koperasi yang baginya suatu notis bertulis tidak kurang daripada 7 hari telah diberikan.	107-111
11 Pelantikan dan Pemilihan Anggota Lembaga :	112-115
a. Usul Pelantikan Dua (2) Orang Wakil Kerajaan Negeri Dalam Anggota Lembaga Yang Dicalonkan oleh Kerajaan Negeri Pahang.	
b. Memilih tiga (3) orang Anggota Lembaga bagi mengisi kekosongan jawatan Anggota Lembaga untuk penggal 2016 - 2019 (3 tahun).	

NOTIS MESYUARAT AGUNG

KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD

B8032, Jalan Teluk Sisek Sri Kuantan Square,
25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur.
Telefon : 09-5177977 / 09-5177980

No. Faks : 09-5137190

Bil (5) dlm KSMB / SKRT / MAT-34

18 Mei 2016

Kepada : -
Semua Anggota
Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA)

Tuan / Puan Yang Dihormati,

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE - 34

Sukacita dimaklumkan bahawa, Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut :

Tarikh	:	4 Jun 2016 (Sabtu)
Masa	:	8.00 pagi
Tempat	:	Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan, Pahang Darul Makmur.

2. Anggota - anggota adalah dengan segala hormatnya dijemput hadir ke mesyuarat tersebut dan agenda-agenda mesyuarat adalah seperti berikut : -

- 2.1 **Melantik** Satu Jawatankuasa Yang Terdiri Daripada Enam Anggota dan Empat Orang Anggota Lembaga termasuk Pengerusi Untuk Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-34 pada 4 Jun 2016.
- 2.2 **Mengesahkan** Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-33 pada 13 Jun 2015.
- 2.3 **Menimbang** Laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam bagi tahun 2015/2016.
- 2.4 **Menimbang dan Meluluskan** Akaun-akaun Teraudit Koperasi dan Subsidiarinya Jika Ada, Termasuk Pembahagian Keuntungan Bersama Dengan Laporan Juruaudit bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2015.
- 2.5 **Menimbang dan Meluluskan** Pindaan Belanjawan Tahun 2016 dan Anggaran Belanjawan Tahun 2017.
- 2.6 **Meluluskan** Elaun-elaun Kepada Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam dan Saraan Kepada Anggota Lembaga Yang Dilantik Sebagai Pengarah Bagi Subsidiari Koperasi ini.
- 2.7 **Menimbang dan Meluluskan** Ruang Lingkup dan Had Pelaburan Yang Dibiayai Oleh Wang Lebihan Koperasi ini.
- 2.8 **Menentukan** Had Maksimum Keterhutangan Koperasi.
- 2.9 **Meluluskan** Perlantikan Suatu Panel Firma Audit Untuk Mengaudit Akaun Koperasi Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016.



- 2.10 **Mendengar, menimbang atau memutuskan** apa-apa cadangan atau Urusan Perniagaan lain Koperasi yang baginya suatu notis bertulis tidak kurang daripada 7 hari telah diberikan :
- 2.10.1 Usul Anggota Lembaga
- 2.10.2 Usul-usul Anggota

2.11 **Pelantikan dan Pemilihan Anggota Lembaga :**

- a. Usul Pelantikan Dua (2) Orang Wakil Kerajaan Negeri Dalam Anggota Lembaga Yang Dicalonkan oleh Kerajaan Negeri Pahang.
- b. Memilih Tiga (3) orang Anggota Lembaga bagi mengisi kekosongan jawatan Anggota Lembaga untuk penggal 2016 – 2019 (3 tahun).

3. Cadangan - cadangan yang berupa usul **hendaklah disampaikan kepada Setiausaha, Koperasi Serbausaha Makmur Berhad pada atau sebelum 26 Mei 2016 jam 12.00 tengah hari.**

‘MAJU BERSAMA KOPERASI’

**Dengan perintah lembaga,
KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD**

AHMAD SHUKRI BIN HAJI JOHARI
Setiausaha

s.k. Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Cawangan Negeri Pahang

NOTA PENTING : -

1. Seperti yang dicadangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang lepas, Anggota - Anggota KOSMA adalah diminta supaya tidak membawa ahli keluarga yang bukan merupakan anggota KOSMA ke dalam Dewan Mesyuarat. Ahli keluarga yang mengiringi Anggota ke Mesyuarat Agung bolehlah menunggu di mana-mana tempat di luar Dewan.
2. Anggota - Anggota KOSMA adalah diingatkan **bahawa penama atau wakil mereka adalah tidak dibenarkan mengambil elaun Mesyuarat atau mengundi.** Justeru itu, Anggota - Anggota adalah dinasihatkan supaya membawa kad pengenalan masing – masing dan kad keanggotaan KOSMA bagi mengelakkan sebarang masalah yang mungkin timbul.
3. Kaunter pendaftaran akan dibuka seperti berikut :
 - i. pada hari mesyuarat agung iaitu **4 Jun 2016** mulai dari jam **07.30 pagi hingga pukul 11.00 pagi** di Dewan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah, Kuantan. Anggota - Anggota adalah diminta hadir dalam tempoh pendaftaran berkenaan **untuk melayakkan mereka mengundi. Kaunter** pendaftaran **lewat** akan dibuka **sehingga jam 12.30 tengah hari** bagi tujuan daftar kehadiran sahaja.

KATA-KATA ALUAN YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR PAHANG



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Syabas diucapkan kepada barisan kepimpinan KOSMA kerana berjaya mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-34 pada tahun ini selaras dengan kehendak Akta Koperasi 1993.

Sekalung tahniah juga saya ucapkan kepada KOSMA kerana telah berjaya melaksanakan pembukaan KOSMA Hotel Business yang telah memulakan operasinya pada awal Februari 2015 yang lalu. KOSMA juga telah mempunyai Kompleks Perlindungan yang dilengkapi dengan kemudahan seperti auditorium dan ruang pejabat untuk kemudahan kakitangan di Kumpulan Perlindungan KOSMA. Malah perniagaan Ar Rahn KOSMA juga semakin berkembang dan mendapat perhatian oleh pelanggan terutamanya di sekitar Kuantan.

Diharap KOSMA dapat terus mengekalkan prestasi dan pencapaian walaupun dengan keadaan semasa harga sawit yang tidak menentu dan dalam keadaan ekonomi global yang mencabar pada masa kini.

Akhir kata, selamat bermesyuarat dan diharapkan agar Mesyuarat Agung Tahunan kali ini akan dapat menghasilkan keputusan yang memberi manfaat kepada anggota KOSMA keseluruhannya. Insha Allah.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

DATO' SRI DIRAJA ADNAN BIN YAAKOB,
SDSA, SSAP, DSAP, DGSM

KATA-KATA ALUAN PENGARAH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA CAWANGAN NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR

Assalamualaikum Warahmatuhllahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana diberi ruang oleh pihak koperasi untuk merakamkan sepatah dua kata di dalam Buku Laporan Tahunan 2015.

Saya mengucapkan Tahniah kepada koperasi kerana berkat usaha gigih serta kerjasama Anggota Lembaga, pihak pengurusan dan anggota koperasi, koperasi ini dapat mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan dan membentangkan penyata kewangan beraudit.

Tahniah kepada Anggota Lembaga dan pihak pengurusan kerana telah dapat menjalankan tugas yang telah diamanahkan oleh anggota dalam mentadbir urus koperasi dengan baik. Tahniah juga kepada semua anggota koperasi yang sentiasa memberi sokongan demi untuk kemajuan koperasi. Saya berharap koperasi akan terus maju dan berjaya di masa depan.

Wasalam,

Sekian, terima kasih.

Selamat bersidang.



DATO' MOHAMAD ZAWAWI BIN MAHMUD,
DIMP., SMP.



SECEBIS RASA PENGURUSI KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke haderat Allah S.W.T. kerana dengan limpah izin dan perkenanNya dapat kita bersama lagi di Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke 34 KOSMA pada hari ini. Semoga kita terus dipanjangkan usia dan dapat bertemu dan bermesra lagi di tahun-tahun yang mendatang.

Menyentuh mengenai keuntungan KOSMA bagi tahun 2015, walaupun pengeluaran hasil BTB KOSMA meningkat sebanyak 6% berbanding tahun 2014 dan meningkat 8% berbanding bajet serta pengawalan kos pengeluaran sehingga lebih rendah sebanyak 7% berbanding tahun 2014, namun faktor harga BTB yang menurun pada kadar purata RM432.29/mt berbanding RM497.20/mt pada tahun 2014 menjadikan kadar keuntungan KOSMA sebelum cukai (koperasi dan ladang) juga menurun iaitu RM47.7 juta berbanding RM59.9 juta bagi tahun 2014. Oleh yang demikian, diharap anggota KOSMA sedia memahami keadaan ekonomi global yang terkini.

Perniagaan- perniagaan lain KOSMA seperti KOSMA Boutique Hotel dan KOSMA Business Hotel (yang diuruskendalikan oleh KOSMA Holdings Sdn Bhd), Hotel Bajet KOSMA (yang dimiliki oleh KOSMA Tourism Sdn Bhd) telah semakin meningkat maju. Perniagaan Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu) KOSMA pula telah mula mencatat keuntungan operasi dan dijangka berkembang maju dalam masa yang terdekat.

Akhirkata, terima kasih atas keyakinan anggota-anggota kepada barisan anggota Lembaga dan pengurusan KOSMA untuk terus merencana dan melaksanakan usaha-usaha pembangunan berterusan demi kemaslahatan bersama. Semoga kita semua sentiasa diberi petunjuk dan hidayah oleh Allah dalam menerajui KOSMA ke arah yang lebih cemerlang dan gemilang di masa-masa hadapan. Semoga Allah melindungi kita dari sifat-sifat mazmumah dan segala sifat-sifat keji yang lain yang mampu memecah belah dan memporak peranda Koperasi kita ini. Selamat bersidang demi mencari kesepakatan dan kebaikan untuk semua.

Terima kasih.

DATO' SRI HAJI ABDUL JABBAR BIN HAJI IBRAHIM,
SSAP., SIMP., DSAP., JSM., AMN

MAKLUMAT PENTING KOSMA

ANGGOTA LEMBAGA

Pengerusi

Y.H. Dato' Sri Haji Abdul Jabbar
Bin Haji Ibrahim

Timbalan Pengerusi

Y.H. Dato' Haji Zainal Bin
Haji Hassan

Setiausaha

Tuan Haji Ahmad Shukri bin
Haji Johari

Bendahari

Y.H. Dato' Haji Mokhtar Bin
Haji Mat Salleh

Wakil Kerajaan

Y.B. Dato' Sri Haji Wan Rosdy
bin Wan Ismail

Wakil Kerajaan

Y.H. Dato' Haji Mohamad Sahfri
bin Ab Aziz

Anggota Lembaga

Y.H. Dato' Shahbudin bin
Imam Mohamad

Anggota Lembaga

Y.H. Tok Muda Dato' Haji Asmad
bin Haji Sulaiman

Anggota Lembaga

Y.H. Dato' Haji Mohd Suah bin
Haji Burok

Anggota Lembaga

Y.H. Dato' Haji Khadri bin Musa

Anggota Lembaga

Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad

MAKLUMAT PENGURUSAN IBU PEJABAT DAN LADANG

Pengurus Besar

YH Dato' Haji Azlan bin Uzir
(sehingga 31 Disember 2015)

Pengurus Kewangan

Encik Shamsul Anuar bin Hussin
(Menjalankan tugas Pengurus Besar
bermula 1 Januari 2016)

Pengurus Pentadbiran

Encik Mohd Aminuddin bin Mohd Ali

Setiausaha Eksekutif

Encik Abdul Ghafar bin Hussin

Pengurus Kanan Ladang

Tuan Haji Kamarudin Arifin bin Idris
Encik Yusof bin Jaafar
Encik Abdul Razak bin Mohd Yunus
(Telah kembali ke Rahmatullah pada
4 September 2015)

Pengurus Ladang

Encik Mohd Razuan bin Mustapa Kamar
Encik Muhamad Rizal bin Abdul Hadi
Encik Zaharim bin Zainuddin
Encik Shah Amri bin Ab Aziz
Encik Abd Rashid bin Mat Nor

ALAMAT BERDAFTAR

KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD (KOSMA)

B 8032, Sri Kuantan Square
Jalan Teluk Sisek, 25000 Kuantan
Pahang Darul Makmur

SYARIKAT SUBSIDIARI

KOSMA Tourism Sdn Bhd (100%)
KOSMA Holdings Sdn Bhd (100%)

SYARIKAT BERSEKUTU MENGURUSKAN KILANG KOSMA

Wujud Wawasan Sdn Bhd (49%)

YAYASAN

Yayasan KOSMA

BANK-BANK

1. CIMB Berhad
2. Bank Muamalat (M) Berhad
3. Malayan Banking Berhad
4. Ar Rajhi Bank
5. RHB Bank Berhad
6. Bank Islam Malaysia Berhad
7. OCBC Al-Amin Bank Berhad

KEANGGOTAAN DALAM KOPERASI LAIN

1. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia
Modal Syer - RM1,014,701
(sehingga Disember 2015)
2. Bank Persatuan Malaysia Berhad
Modal Syer - RM632,678
(sehingga Disember 2015)
3. Konsortium Penyelaras Koperasi
Negeri Pahang Berhad
Modal Syer - RM20,000
(sehingga Disember 2015)

JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

Ketua

YH Dato' Abdul Manan bin Abdul
Rahman

Setiausaha

Tuan Haji Abd Hamid bin Mohamed

AJK

Encik Muslim bin Umar
Encik Ahmad Zambri bin Ab Aziz
Encik Ibrahim bin Ali

JURUAUDIT LUAR

Tetuan McMillan Woods Thomas
A-37 Jalan Tun Ismail 2, Sri Dagangan 2,
25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur

PEGUAM

Tetuan Zainur Zakaria & Co
Advocates & Solicitors
D-3-10, Plaza Damas, No 60 Jalan Sri
Hartamas Satu, 50480 Kuala Lumpur

Tetuan Daeng Khatijah & Amran
Peguambela & Peguamcara
A37, 2nd Floor, Wisma KPKP, Jalan
Gambut 2, P.O.Box 18, 25000 Kuantan,
Pahang

Tetuan Noorhuda & Partners
Peguambela & Peguamcara
B-8028 2nd Floor, Sri Kuantan Square,
Jalan Teluk Sisek, 25000 Kuantan, Pahang



ANGGOTA-ANGGOTA LEMBAGA

**Duduk dari kiri**

1. YB Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail
2. Encik Mohd Nasir bin Mohd Nor
3. YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim
4. YH Dato' Haji Zainal bin Hassan
5. YH Dato' Haji Mokhtar bin Mat Salleh
6. YH Dato' Haji Mohamad Sahfri bin Ab Aziz

Berdiri dari kiri

1. Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad
2. YH Tok Muda Dato' Haji Asmad bin Sulaiman
3. YH Dato' Shahbudin bin Imam Mohamad
4. YH Dato' Haji Khadri bin Musa
5. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari
6. YH Dato' Haji Mohd Suah bin Haji Burok

- Wakil Kerajaan
- Ketua Penolong Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Pahang
- Pengerusi
- Timbalan Pengerusi
- Bendahari
- Wakil Kerajaan
- Anggota Lembaga
- Anggota Lembaga
- Anggota Lembaga
- Anggota Lembaga
- Setiausaha
- Anggota Lembaga

SOROTAN KALENDAR SESSI 2015/2016

13 JUN 2015

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOSMA KALI KE 33
DEWAN JUBLI PERAK SULTAN HAJI AHMAD SHAH, KUANTAN



13 JUN 2015

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOSMA KALI KE 33
DEWAN JUBLI PERAK SULTAN HAJI AHMAD SHAH, KUANTAN



SEPTEMBER 2015

**MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MOU)
ANTARA KOSMA DAN HO HUP CONSTRUCTION COMPANY BHD**



SOROTAN KALENDAR SESSI 2015/2016

SEPTEMBER 2015

MOTIVASI BERSAMA PROF (ADJUNG) DATO' DR. FADZILAH KAMSAH
SHAHZAN INN, KUANTAN



SEPTEMBER 2015

PERASMIAN AKADEMI MENARA GADING (AMG)
KOHORT 8



OKTOBER 2015

LAWATAN DAN PEMERIKSAAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (SKM)
DI KOSMA



SOROTAN KALENDAR SESSI 2015/2016



OKTOBER 2015 LAWATAN MAKTAB KERJASAMA MALAYSIA (MKM) KE KOSMA



FEBRUARI 2016 MAJLIS 'FAREWELL' MANTAN PENGURUS BESAR KOSMA



APRIL 2016 MAJLIS MESRA ANGGOTA DI KUALA LUMPUR INTERNATIONAL HOTEL



SOROTAN KALENDAR SESSI 2015/2016

APRIL 2016

MAJLIS MESRA ANGGOTA DI HOTEL SERI MALAYSIA, TEMERLOH



APRIL 2016

MAJLIS MESRA ANGGOTA DI MS GARDEN HOTEL KUANTAN



APRIL 2016

MAJLIS MESRA ANGGOTA DI MS GARDEN HOTEL KUANTAN



**MELANTIK SATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI
DARIPADA ENAM ANGGOTA DAN EMPAT ORANG
ANGGOTA LEMBAGA TERMASUK PENERUSI
UNTUK MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT
AGUNG TAHUNAN KE-34 PADA 4 JUN 2016**

**AGENDA : 1
KERTAS BIL :
KMA.01/2015**



1.0 TUJUAN

Kertas ini dikemukakan untuk pertimbangan Mesyuarat Agung melantik satu Jawatankuasa untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung KOSMA ke-34 pada 4 Jun 2016.

2.0 MAKLUMAN

Undang-Undang Kecil 32 (1) (1) berbunyi : -

Melantik suatu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam orang anggota dan empat orang Anggota Lembaga untuk menentusahkan draf minit mesyuarat agung tahunan.

3.0 KEPUTUSAN


Mesyuarat Agung adalah disyorkan untuk : -

- 3.1 Melantik enam orang Anggota KOSMA sebagai Anggota Jawatankuasa untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke 34 dan
- 3.2 Memberi kuasa kepada Anggota Lembaga untuk memilih empat orang Anggota Lembaga termasuk Pengerusi sebagai Anggota Jawatankuasa untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA ke-34.

AGENDA : 2
KERTAS BIL :
KMA.02/2015

MENGESAHKAN MINIT
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN
KE-33 PADA 13 JUN 2015

Dengan ini adalah diakui Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-33 telah pun dibentangkan dan disemak oleh Jawatankuasa Menentusah Deraf Minit Mesyuarat Agung Koperasi Ke-33 pada 13 Jun 2015 yang diperturunkan tandatangan kami sebagai akuan semakan tersebut.



Dato' Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim

Pengerusi



Dato' Haji Zainal bin Hassan

Timbalan Pengerusi



Ahmad Shukri bin Haji Johari

Setiausaha



Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh

Bendahari



Dato' Haji Abdullah bin Majid

Anggota Jawatankuasa




Haji As'ari bin Haji Yaacob

Anggota Jawatankuasa



Haji Jamil bin Ninggal

Anggota Jawatankuasa



Ahmad Mustaffa bin Haji Zainal Abidin

Anggota Jawatankuasa



Kamarulzaman bin Hassan

Anggota Jawatankuasa



Haji Idrus bin Mohd Nasir

Anggota Jawatankuasa



MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOSMA KE-33

TARIKH : **13 JUN 2015 (SABTU)**

MASA : **09.00 PAGI**

TEMPAT : **DEWAN JUBLI PERAK SULTAN HAJI AHMAD SHAH
JALAN TELUK SISEK, KUANTAN**

KEHADIRAN ANGGOTA LEMBAGA

YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim	- Pengerusi
YH Dato' Haji Zainal bin Haji Hassan	- Timbalan Pengerusi
Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari	- Setiausaha
YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh	- Bendahari
YB Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail	- Wakil Kerajaan
YH Dato' Haji Mohamad Sahfri bin Ab Aziz	- Wakil Kerajaan
YH Tok Muda Dato' Haji Asmad bin Haji Sulaiman	- Anggota Lembaga
YH Dato' Shahbudin bin Imam Mohamad	- Anggota Lembaga
YH Dato' Haji Mohd Suah bin Haji Burok	- Anggota Lembaga
YH Dato' Haji Khadri bin Musa	- Anggota Lembaga
Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad	- Anggota Lembaga

A. KEHADIRAN ANGGOTA

Jumlah kehadiran anggota adalah seramai 1239 orang (Termasuk Anggota Lembaga) – LAMPIRAN 'A'

B. TURUT HADIR :-

Encik Mohd Nasir bin Mohd Nor	- Ketua Pen. Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Pahang
-------------------------------	--

C. BACAAN DOA

Dipimpin oleh Al Fadhil Tuan Dr Haji Sharafuddin Aisa bin Haji Osman, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Pahang (No. Anggota: 2100)

E. UCAPAN OLEH Pengerusi KOSMA YH DATO' SRI HAJI ABDUL JABBAR BIN HAJI IBRAHIM – LAMPIRAN 'B'

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE – 33

ALUAN Pengerusi

YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim, selaku Pengerusi Mesyuarat memberi salam kepada Anggota Lembaga dan semua anggota serta mengisytiharkan Mesyuarat Agung dimulakan. Beliau memaklumkan bahawa Notis Mesyuarat Agung ini telah dihantar awal bersama buku Laporan Tahunan dan Laporan Kewangan 2014. Seterusnya beliau mengumumkan sehingga jam 10.00 pagi, kehadiran anggota yang telah mendaftar berjumlah 1,043 orang dan angka ini mencukupi kuorum. Manakala sehingga pukul 11.00 pagi, kehadiran anggota berjumlah 1206 iaitu jumlah anggota yang layak mengundi.

Beliau memaklumkan bahawa Aturan dan peraturan Mesyuarat Agung Tahunan telah berulang kali dinyatakan pada setiap persidangan Mesyuarat Agung sebelum ini.

Beliau memaklumkan juga bahawa walaupun penubuhan KOSMA didaftarkan pada tahun 1967 tetapi secara rasminya Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA telah diadakan sebanyak 33 kali.

Selain daripada itu, beliau mengingatkan bahawa seseorang anggota yang ingin bercakap mengenai suatu perkara, perlu memaklumkan nama dan nombor anggota untuk catatan minit dan dibenarkan untuk bercakap sekali sahaja bagi setiap agenda mesyuarat.

1.0 MELANTIK SATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM (6) ORANG ANGGOTA DAN EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA TERMASUK Pengerusi UNTUK MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE – 33 PADA 13 JUN 2015 – KMA 01/2014.

- 1.1 **YH Dato' Haji Mohd Suah bin Haji Burok** membentangkan Kertas Mesyuarat Bil KMA 01/2014 (Muka surat 15) iaitu Melantik Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-33 pada 13 Jun 2015 mengikut Undang – undang Kecil 32 (1) (K) yang terdiri daripada enam orang anggota dan empat orang Anggota Lembaga berdasarkan UUK 32 (1) (k).
- 1.2 Pencalonan yang telah mendapat sokongan seperti berikut :-
 - i. YH Dato' Haji Ayob bin Haji Abdul Ghani (Anggota : 1938) mencadangkan **Tuan Haji Jamil bin Ninggal (Anggota : 2785).**
 - ii. Encik Mustari Anuar bin Samah (Anggota : 2409) mencadangkan **YH Dato' Abdullah bin Majid (Anggota : 2365).**
 - iii. Encik Ab Gafa bin Keme (Anggota: 1961) mencadangkan **Encik Ahmad Mustaffa bin Haji Zainal Abidin (Anggota: 2623).**



- iv. Encik Abdullah @ Mohd Nor b. Abd Ghafar (Anggota:2094) mencadangkan **Encik Kamarulzaman bin Hassan (Anggota: 2074).**
 - v. Encik Ahmad Mustaffa bin Haji Zainal Abidin (Anggota: 2623) mencadangkan **Tuan Haji As'ari bin Haji Yaacob (Anggota: 0834)** dan **Encik Idrus bin Mohd Nasir (Anggota : 2330).**
- 1.3 Atas cadangan **Encik Abdullah @ Mohd Nor b. Abd Ghafar (Anggota : 2094)** pencalonan ditutup.
- 1.4 Oleh yang demikian, Jawatankuasa Menentukan Draft Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-33 adalah seperti berikut :-
- i. **Tuan Haji Jamil bin Ninggal (Anggota : 2785)**
 - ii. **YH Dato' Abdullah bin Majid (Anggota : 2365)**
 - iii. **Encik Ahmad Mustaffa bin Haji Zainal Abidin (Anggota :2623)**
 - iv. **Encik Kamarulzaman bin Hassan (Anggota : 2074)**
 - v. **Tuan Haji As'ari bin Haji Yaacob (Anggota : 0834)**
 - vi. **Encik Idrus bin Mohd Nasir (Anggota : 2330)**
- 1.5 Mesyuarat bersetuju supaya Jawatankuasa yang dilantik ini mengadakan mesyuarat dalam tempoh sebulan dari tarikh Mesyuarat Agung ini diadakan. Mesyuarat Agung pada hari ini juga bersetuju enam (6) orang anggota yang dipilih seperti di atas dan empat (4) orang Anggota Lembaga berjawatan iaitu Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari dilantik sebagai Jawatankuasa Menentukan Draft Minit Mesyuarat Agung Tahunan kali Ke 33.

2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOSMA KE-32 PADA 7 JUN 2014 – KMA 02/2014

- 2.1 **Tuan Setiausaha** membentangkan Kertas Mesyuarat Bil KMA 02/2014 - Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-32 pada 7 Jun 2014 (Muka surat 16 - 64). Beliau juga memaklumkan bahawa minit tersebut telahpun ditentukan oleh Jawatankuasa Menentukan Minit Mesyuarat Agung dan telah dihantar kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk makluman.
- 2.2 **Encik Ahmad Mustaffa bin Haji Zainal Abidin (Anggota : 2623)** mencadangkan agar Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 32 pada 7 Jun 2014 ini disahkan dan disokong sebulat suara oleh Mesyuarat Agung pada hari ini.

3.0 MENIMBANGKAN LAPORAN LEMBAGA DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI TAHUN 2014 – KMA 03/2014

- 3.1 **Tuan Setiausaha** membentangkan Kertas Mesyuarat Bil KMA 03/2014 iaitu Menimbang Laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Tahun 2014 **(muka surat 65-88)**. Beliau juga memaklumkan terdapat dua ralat bagi agenda ini iaitu seperti berikut :-
 - i. Muka surat 72, perkara 4.5.3 (i) Majlis Mesra/Penerangan Anggota 2015 bagi setiap zon/daerah seperti jadual berikut :-
Catatan Tarikh Majlis Mesra/Penerangan Anggota 2015 di Kuantan/Terengganu/Kelantan iaitu pada **24.05.2015** dipinda kepada **24.04.2015**.



Muka surat 74, perkara 4.8.2 - Senarai kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa Khas Mengkaji Skim Pelaburan KOSMA 2 dan Cadangan Penambahan Unit Ladang bagi Anggota –anggota KOSMA.

Nama **YH Dato' Haji Zainal bin Hassan** bagi Jawatan Pengerusi dipinda kepada **YH Dato' Shahbudin bin Imam Mohamad**.

3.2 **Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamed (Anggota : 0186-A);**

- i. Merujuk kepada muka surat 72, iaitu mengenai Majlis Mesra/Penerangan anggota mengikut daerah-daerah . Beliau berpendapat dan mencadangkan :
 - a. Majlis tersebut perlu diteruskan kerana ia boleh dianggap sebagai 'midterm review' akan tetapi ia perlu dikaji semula kerana masanya harus sesuai dan tidak terlalu suntuk dengan masa untuk mengadakan Mesyuarat Agung serta tidak terdapat agenda lain yang bercanggah bagi mengadakan majlis tersebut.
 - b. Usul-usul yang dikemukakan dalam Majlis Penerangan ini juga perlu dicatit dan diminitkan supaya isu-isu yang dibangkitkan tidak lupus begitu sahaja. Beliau juga mencadangkan supaya majlis tersebut hanya diadakan di dua (2) tempat sahaja iaitu di Kuantan dan Kuala Lumpur.
 - c. Kadar elaun kehadiran dinaikkan untuk menarik kehadiran anggota.
- ii. Merujuk muka surat 80, beliau ingin menyoal mengenai senarai Aktiviti Jawatankuasa Audit Dalam KOSMA bagi sesi 2014/2015.
 - a. Kenapa hanya terdapat dua (2) kali sahaja pemeriksaan audit ke atas Ladang KOSMA. Malah di dalam buku Laporan Tahunan 2014 ini hanya terdapat satu isu sahaja yang dibangkitkan.
 - b. Beliau mencadangkan penstrukturan Jawatankuasa Audit Dalam lebih professional iaitu terdiri daripada Ketua Audit dan di bawahnya terdapat dua (2) unit iaitu Unit untuk ladang serta Unit untuk aktiviti-aktiviti lain.

3.3 **Encik Ibrahim bin Othman (Anggota : 2792)** merujuk mukasurat 83, mengenai Sumbangan dan Derma berjumlah RM189,271. Beliau mencadangkan kemungkinan jumlah tersebut boleh dikurangkan menjadi RM100,000 sahaja. Beliau juga berpandangan adalah kurang wajar Suruhanjaya Koperasi Malaysia tersenarai sebagai penerima sumbangan tersebut kerana ia akan memberi kesan pada SKM sebagai badan yang mengawasi KOSMA untuk membuat sebarang komen atau teguran ke atas KOSMA.

3.4 **Encik Ab. Gafa bin Keme (Anggota : 1961);**

- i. Masih menyentuh isu di bawah perkara Jawatankuasa Audit Dalam dengan merujuk muka surat 81 iaitu berhubung dengan Laporan berkaitan Penama. Beliau menegur bahawa masih lagi ramai anggota yang belum mengemukakan Penama.
- ii. Merujuk perkara mengenai keluasan tanah di muka surat 84 dan 85 iaitu jumlah keluasan matang 2014 adalah seluas 12,175 hektar manakala jumlah keluasan tanah yang disenaraikan mengikut profil umur adalah seluas 12,929.6 hektar (selepas ditolak keluasan tanah bagi pokok yang berumur kurang dari 3 tahun). Beliau mohon penjelasan di atas perbezaan sebanyak 754.6 hektar tersebut.



- 3.5 **Tuan Haji Abdul Karim bin Mat Yassim (Anggota : 2317)** merujuk muka surat 74 dan menyatakan beberapa perkara berikut :
- i. Menyuarakan rasa dukacita beliau terhadap Jawatankuasa Khas mengkaji Skim Pelaburan KOSMA 2 dan Cadangan Penambahan Unit Ladang bagi Anggota-anggota KOSMA kerana di sini dinyatakan Jawatankuasa tersebut hanya bermesyuarat sebanyak 2 kali sahaja bagi sesi 2014/2015 dan tidak membuat sebarang keputusan yang penting. Oleh yang demikian beliau ingin bertanya sejauh mana keaktifan jawatankuasa tersebut dalam menangani perkara ini dan beliau berharap agar anggota yang memiliki unit yang sedikit dapat menikmati imbuhan yang lebih.
- 3.6 **YH Dato' Haji Zainal bin Hassan** menyatakan bahawa pandangan tersebut akan diambil perhatian untuk tindakan selanjutnya.
- 3.7 **YH Dato' Bendahari** ingin menjelaskan persoalan yang dibangkitkan oleh Encik Abdul Gafa bin Keme mengenai perbezaan hektar sebanyak 754.6 hektar bagi keluasan kawasan yang matang untuk tahun 2014. Bagi pokok sawit yang berusia 3 tahun KOSMA mengklasifikasikannya sebagai kawasan yang dinamakan 'scout harvesting' namun kawasan tersebut masih tidak boleh diisytiharkan sebagai kawasan matang .
- 3.8 **Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamad** mohon supaya Laporan Tanam Semula ini dibentang secara terperinci berserta dengan aliran kewangan dan maklumat perbelanjaannya.
- 3.9 **YH Dato' Sri Pengerusi** menyatakan bahawa itu adalah pandangan yang baik dan kemungkinan di masa akan datang pihak pengurusan akan membentangkan laporan di majlis perjumpaan anggota.
- 3.10 **Tuan Haji Jamil bin Ninggal** berharap supaya Laporan tanam semula akan diedarkan di perjumpaan-perjumpaan di program majlis mesra KOSMA.
- 3.11 **Encik Ab. Gafa bin Keme** mohon penjelasan lanjut mengenai maksud pokok matang.
- 3.12 **YH Dato' Bendahari** menjelaskan bahawa ia dikira dari tarikh pokok sawit tersebut ditanam. Memang secara praktisnya, dalam tempoh 36 bulan tersebut ia masih belum diisytiharkan sebagai matang.
- 3.13 **YH Dato' Sri Pengerusi** menjelaskan;
- i. Mengenai Jawatankuasa Audit Dalaman, Akta Koperasi 42 (A) KOSMA membenarkan Jawatankuasa Audit Dalaman ini dilantik seramai 5 orang. Selain itu juga, KOSMA telah melantik Juruaudit Luar iaitu Juruaudit yang bertauliah. Oleh yang demikian, keraguan mengenai audit ini tidak sepatutnya timbul.
 - ii. Dari segi struktur ladang yang sedia ada adalah sukar untuk membuat tawaran unit ladang. Pada masa kini juga KOSMA memperolehi keuntungan perniagaan berdasarkan kepada sebahagian unit ladang yang dipegang oleh KOSMA. Untuk perbelanjaan pengurusan. Begitu juga dengan penambahan saham, modal berbayar boleh ditambah sehingga maksimum RM50 ribu.



Jika siling tersebut dinaikkan menjadi RM100 ribu, berapa peratus pembahagian dividen yang boleh dilaksanakan pada masa akan datang. Oleh kerana itu, KOSMA boleh menerima semua pandangan yang dikemukakan tetapi untuk melaksanakannya adalah bukan suatu perkara yang mudah.

- 3.14 **Encik Ab Gafa bin Keme** masih belum berpuas hati dengan penjelasan Anggota Lembaga mengenai isu anggota yang tidak mempunyai penama. Beliau mencadangkan supaya surat peringatan dikeluarkan sekurang-kurangnya 3 kali oleh pihak pengurusan dan sekiranya anggota terbabit masih gagal berbuat demikian, pengurusan boleh menahan cek bayaran dividen mereka yang terlibat.
- 3.15 **YH Dato' Sri Pengerusi** menegaskan bahawa KOSMA tidak boleh memaksa anggota untuk memberi penama mereka. Berbagai perkara dan masalah yang timbul berkaitan penama ini, malahan KOSMA dirujuk untuk memberi pandangan mengenai masalah pesaka. Begitu juga dengan nombor akaun bank anggota, masih ramai anggota yang belum menyerahkannya kepada KOSMA. Beliau menekankan lagi mengenai pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh anggota adalah baik tapi untuk melaksanakannya sememangnya bukan perkara yang mudah.
- 3.16 **Tuan Setiausaha** menjelaskan, KOSMA sentiasa berusaha untuk memastikan semua anggota mempunyai penama. Sungguhpun begitu masih ada lagi yang belum berbuat demikian. Dalam situasi tersebut, jika berlaku kematian kepada anggota berkenaan, KOSMA akan mengembalikan kesemua harta benda si mati kepada waris-waris mereka setelah mendapat surat kuasa dari pihak Pentadbir Pesaka dan dengan itu keanggotaan mereka tidak lagi dapat diwarisi oleh waris-waris yang lain.
- 3.17 Merujuk kepada persoalan mengenai sumbangan dan derma kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), **Encik Mohd Nasir bin Mohd Nor**, Ketua Penolong Pengarah SKM memaklumkan bahawa ianya hanya disalurkan untuk program-program anjuran SKM seperti sambutan Hari Koperasi Negara yang turut melibatkan Koperasi-Koperasi di seluruh Malaysia. Beliau juga mengumumkan bahawa Hari Koperasi Negara 2015 akan diadakan pada 14 hingga 16 Ogos di Kuching Waterfront, Sarawak.
- 3.18 **Encik Azaham Shah bin Badrillah (Anggota : 0921-A);**
- Mencadangkan Jawatankuasa Audit Dalaman KOSMA dilantik semula di Mesyuarat Agung Tahunan.
 - Merujuk mukasurat 87 iaitu Perbandingan Purata Hasil KOSMA, Pahang dan Semenanjung Malaysia bagi tahun 2011 sehingga tahun 2014, ianya semakin berkurangan. Beliau ingin tahu kenapa kadar purata hasil 20-21 mt/ha tersebut tidak dapat dikekalkan.
 - Seterusnya, beliau menyoal kenapa ekuiti sebanyak 51% dipegang oleh Wujud Wawasan Sdn Bhd manakala KOSMA hanya memiliki pegangan sebanyak 49% sahaja.
 - Memohon penjelasan mengenai jumlah Keuntungan sebelum cukai yang menurun pada tahun 2014.
- 3.19 **YH Dato' Timbalan Pengerusi** menjawab :
- Bagi soalan mengenai pemilikan ekuiti Wujud Wawasan Sdn Bhd, peratusan tersebut adalah berdasarkan perjanjian asal yang dimeterai dahulu. Walau bagaimanapun sejak 4 tahun yang lalu KOSMA mendapat pulangan berlipat kali ganda setiap tahun daripada Wujud Wawasan Sdn Bhd.



- ii. Mengenai Purata Hasil KOSMA, terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada penurunan kadar tersebut termasuklah faktor alam sekitar, cuaca tidak menentu yang menjejaskan pengeluaran hasil dan harga semasa pasaran. Hakikat ini perlu diterima namun seandainya syarikat perladangan lain memperoleh penghasilan yang tinggi maka perkara itu wajar dipertikaikan.
- 3.20 **Encik Azaham Shah bin Badrillah** berharap Anggota Lembaga tidak marah terhadap sebarang pertanyaan yang dikemukakan oleh Anggota. Planter mungkin arif mengenai perkara ini tapi bagi yang bukan planter mungkin kurang faham.
- 3.21 **YH Dato' Timbalan Pengerusi** memohon maaf jika nada beliau menyinggung perasaan pihak tertentu dan tujuan beliau hanya untuk menjelaskan persoalan tersebut.
- 3.22 **Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamad** ingin tahu mengapa KOSMA tidak membentangkan anggaran dan target penghasilan.
- 3.23 **YH Dato' Sri Pengerusi** menjelaskan bahawa perkara tersebut ada, walau bagaimanapun perkara yang dibangkitkan itu boleh diutarakan oleh anggota di waktu-waktu lain juga samada di Ibu pejabat ataupun Ladang KOSMA dan bukan hanya di Mesyuarat Agung Tahunan.
- 3.24 **Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamad** menambah sepatutnya ada tiga (3) jenis target iaitu:
- i. Target andaian
 - ii. Target potential (achievable)
 - iii. Target review
- Tambah beliau lagi, berdasarkan kepada target awal, KOSMA telah kehilangan sebanyak 27 ribu tan iaitu jumlah hasil yang tidak dicapai bagi tahun 2014.
- 3.25 **YH Dato' Sri Pengerusi** menegaskan bahawa perkara tersebut juga ada dibentangkan namun pandangan tersebut tetap diambilkira.
- 3.26 **Tuan Haji Hashim bin Awang Sulong (Anggota : 2380)** menyatakan bahawa Anggota Lembaga boleh mengambil perhatian atas perkara yang dibangkitkan namun banyak lagi perkara yang harus dibincangkan. Oleh yang demikian beliau mencadangkan agar Mesyuarat Agung diteruskan dengan agenda yang seterusnya. Merujuk kepada ucapan YH Dato' Sri Pengerusi sebelum ini, beliau juga mengingatkan agar anggota yang sama tidak bercakap berulang kali dalam satu agenda.
- 3.27 **Ketua Penolong Pengarah SKM** menjelaskan bahawa perlantikan Jawatankuasa Audit Dalaman yang dilantik di bawah Akta Koperasi 42 (A) telah menjadi amalan semua Koperasi dan tidak terkecuali sehinggalah terdapat apa-apa pindaan terhadap undang-undang di peringkat parlimen maka akta tersebut akan dikekalkan untuk pelaksanaan.
- 3.28 Mesyuarat Agung Tahunan pada hari ini bersetuju sebulat suara menerima Laporan lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi tahun 2014.

4.0 MENIMBANG DAN MELULUSKAN AKAUN – AKAUN TERAUDIT KOPERASI DAN SUBSIDIARINYA JIKA ADA TERMASUK PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN BERSAMA DENGAN LAPORAN JURUAUDIT BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014 – KMA 04/2014

4.1 **YH Dato' Bendahari** membentangkan kertas Bil:KMA.04/2014 Menimbang dan Meluluskan :-

- Akaun-akaun Teraudit Koperasi dan Subsidiarinya termasuk pembahagian keuntungan bersama dengan Laporan Juruaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 (muka surat 1-55)
- Laporan dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 KOSMA Tourism Sdn Bhd (muka surat 1-19)

4.2 Berdasarkan kepada laporan yang dibentangkan, **Encik Jisshaelyz bin Hamzah (Anggota : 2819)** merujuk muka surat 1, dan menyentuh mengenai Laporan Berkanun Anggota Lembaga mengikut Akta Koperasi 1993 seksyen 59(1)(c) :-

(e) Koperasi bercadang untuk membuat peruntukan seperti berikut :-

	RM	%
Dividen Modal Syer	17,288,661	30

Beliau menyoal dari mana peruntukkan tersebut diambil kerana ia sepatutnya diambil daripada Akaun Modal Syer bagi tahun berakhir 30 Jun 2014.

4.3 **YH Dato' Bendahari** menjelaskan bahawa terdapat dua (2) jenis akaun (i) Akaun unit ladang (ii) Akaun Koperasi. Akaun unit ladang akan mengambil keuntungan daripada unit ladang iaitu 49% pemilikan anggota KOSMA dan selepas ditolak segala perbelanjaan, jumlah yang bersih tersebut menjadi jumlah yang boleh diagihkan. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini jumlah ini tidak mencukupi dan telah menggunakan wang rezab terkumpul.

Jika berdasarkan akaun untungrugi ladang bagi tahun berakhir 31 Disember 2014, keuntungan selepas cukai unit ladang hanyalah berjumlah RM14.25 juta sedangkan dividen yang diisytiharkan adalah sebanyak RM23.08 juta. Ini bermakna KOSMA telah menggunakan 'reserve' sebanyak RM8.3 juta daripada keuntungan terkumpul awal tahun sebanyak RM40.8 juta menyebabkan baki yang boleh dibawa ke tahun hadapan hanya RM31.97 juta.

Bagi modal syer pula, peratusan dividen diturunkan daripada 40% kepada 30% bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014. Berdasarkan akaun untungrugi koperasi bagi tahun berakhir 31 Disember 2014, keuntungan bersih tahun semasa adalah sebanyak RM34.96 juta dan setelah ditolak pembahagian berkanun, pembahagian lain dan campur pelarasan bukan operasi, keuntungan tahun semasa masih berbaki RM1.81 juta. Maka bagi akaun koperasi, 'reserve' tidak digunakan dan keuntungan terkumpul bahawa ke tahun hadapan berjumlah RM23.05 juta.

4.4 **Encik Jisshaelyz bin Hamzah (Anggota : 2819)** masih tidak berpuas hati dengan penerangan tersebut dan mohon penjelasan lebih lanjut.



- 4.5 Bagi menjawab soalan tersebut, **Tuan Setiausaha** minta dirujuk mukasurat 39, Nota 19 : Dividen. *'Dividen yang diperuntukkan ini adalah berdasarkan kepada daftar modal syer pada 30.06.2014.'* Manakala berdasarkan kunci kira-kira disatukan pada 31 Disember 2014, Modal Syer Anggota bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM57,954,870. Tapi peruntukan untuk membayar dividen berdasarkan akaun berakhir 30 Jun 2014 iaitu modal syer sebanyak RM57,628,870.
- 4.6 **Tuan Haji Jamil bin Ninggal (Anggota : 2785)** mencadangkan agar Laporan Kewangan ini diluluskan dengan pindaan.
- 4.7 **Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamad** ingin menarik perhatian mengenai beberapa perkara:
- Muka surat 17, KOSMA telah memperuntukkan bagi bayaran Yuran Agen Pengurusan Ladang berjumlah RM2.2 juta bagi tahun 2014 dan telah meningkat sebanyak RM270 ribu. Beliau menegaskan bahawa KOSMA boleh menjimatkan perbelanjaan ini dengan memantapkan Jawatankuasa Perladangan.
 - Beliau juga mempertikaikan kegagalan KOSMA bagi mencapai kadar OER sebanyak 21%.
- 4.8 Bagi soalan mengenai kadar OER, **YH Dato' Bendahari** menerangkan bahawa pencapaian OER sesebuah kilang itu banyak bergantung kepada keadaan cuaca seperti hujan, kemarau, sumber tenaga kerja merupakan antara faktor yang mempengaruhi mutu penghasilan. Bukan KOSMA sahaja mengalami pengurangan hasil ini namun semua syarikat perladangan juga menghadapi masalah yang sama.
- 4.9 **Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamad** ingin mendapatkan kepastian mengenai jumlah sebenar kerugian yang dialami oleh KOSMA. Kerugian tersebut bukannya tidak boleh dielakkan namun ia adalah disebabkan oleh kelemahan KOSMA.
- 4.10 **YH Dato' Bendahari** menjelaskan bahawa KOSMA merekodkan angka-angka kerugian tersebut tetapi ia tidak dinyatakan di dalam buku laporan. Di dalam Laporan ada dinyatakan berapa peratus yang diperolehi dan berapa peratus yang berkurangan. Oleh yang demikian, beliau harap perkara ini boleh diterima oleh anggota.
- 4.11 **YH Dato' Haji Ayob bin Haji Abdul Ghani (Anggota : 1938)** menyentuh mengenai beberapa perkara:
- Menegur supaya tidak memberi alasan kekurangan hasil ladang ini disebabkan oleh faktor keadaan dan cuaca seperti hujan, panas dan banjir keadaan semasa.
 - Berharap agar KOSMA dapat menguruskan sendiri ladangnya tanpa menggunakan khidmat agen pengurusan ladang. KOSMA juga boleh memberi latihan kepada Pengurus-pengurus di Ladang.
- 4.12 **Encik Azaham Shah bin Badrillah** ingin mencadangkan agar Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamad dilantik sebagai Jawatankuasa Perladangan KOSMA sebab beliau juga merupakan seorang 'planter' maka pada tahun hadapan beliau boleh disoal berkenaan kajian yang telah beliau laksanakan.



- 4.13 **YH Dato' Bendahari** menyatakan bahawa KOSMA pernah melantik Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamad sebagai Jawatankuasa Perladangan dan pernah melantik beliau menjadi Ahli Jawatankuasa Khas bagi mengambilalih Ladang KOSMA 6 dan 9. Bukannya KOSMA tidak menghargai pandangan beliau tetapi dalam perkara ini KOSMA tidak boleh menolak fakta bahawa kemampuan dan keadaan semasa mempengaruhi situasi penghasilan.
- 4.14 **Tuan Haji Jamil bin Ninggal** menyatakan bahawa anggota yang berkenaan ini hanya bercakap sahaja dan tidak bekerja di ladang. Beliau sendiri telah bekerja di ladang selama 13 tahun. Jika dibandingkan keadaan lalu dan pada masa kini, beliau menegaskan bahawa kadar 19.5 mt/ha itu adalah satu kadar yang baik. Pada masa kini tanaman di ladang adalah dari genetik yang baru. Beliau juga percaya satu masa nanti KOSMA akan memperolehi semula penghasilan yang tinggi.
- 4.15 **YH Dato' Bendahari** mengucapkan terima kasih kepada Tuan Haji Jamil bin Ninggal dan menyatakan beliau sememangnya 'planter' sebab dia memahami perkara sebenar. Tambah beliau lagi, sekarang ini juga tanaman semula ini telah meningkat pengeluarannya dan keluasanya semakin bertambah.
- 4.16 Secara kesimpulannya, **YH Dato' Sri Pengerusi** menyatakan KOSMA akan melaksanakan mana yang baik asalkan tidak lingkup.
- 4.17 Akhir sekali, **Encik Ibrahim bin Othman (Anggota : 2792)** ingin tahu mengenai item denda dan kompaun berjumlah RM6,994 berdasarkan muka surat 50 – Nota 37 dibayar atas kesalahan apa.
- 4.18 **YH Dato' Bendahari** menjelaskan bahawa item denda dan kompaun tersebut adalah denda bagi pembakaran terbuka menyalahi peraturan alam sekitar yang dilakukan oleh KOSMA.
- 4.19 Di atas cadangan yang dikemukakan oleh **Tuan Haji Jamil bin Ninggal (Anggota : 2785)**, mesyuarat sebulat suara bersetuju dan menerima pembentangan Akaun-akaun Teraudit Koperasi dan Subsidiarinya, termasuk Pembahagian Keuntungan bersama dengan Laporan Juruaudit bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2014.

5.0 MENIMBANG DAN MELULUSKAN PINDAAN BELANJAWAN 2015 DAN ANGGARAN BELANJAWAN 2016 – KMA 05/2014

- 5.1 **5.1 YH Dato' Bendahari** membentangkan kertas Bil KMA 05/2014 bagi menimbang dan meluluskan pindaan belanjawan 2015 dan anggaran belanjawan tahun 2016 (muka surat 90-109). Jumlah keseluruhan bagi pindaan belanjawan 2015 dan anggaran belanjawan 2016 adalah seperti berikut :-
- LAMPIRAN A - Pindaan belanjawan untung rugi koperasi 2015 dan belanjawan untung rugi koperasi 2016.
 - LAMPIRAN B - Pindaan belanjawan untung rugi Ladang 2015 dan belanjawan untung rugi Unit Ladang 2016.
 - LAMPIRAN C - Pindaan belanjawan aset tetap Ibu pejabat dan Ladang bagi 2015 dan belanjawan aset tetap Ibu pejabat dan Ladang 2016.



- 5.2 **Encik Ab Gafa bin Keme (Anggota : 1961)** merujuk muka surat 101, beliau menyoal perlukah diperuntukkan sebanyak RM550,000 bagi item Kenderaan coach/bas.
- 5.3 **YH Dato' Bendahari** menyatakan bahawa ini hanyalah anggaran bagi keperluan bas kerana terdapat seramai 80 orang kakitangan di ladang yang mempunyai anak-anak yang masih bersekolah dan masih menggunakan kemudahan van yang berusia hampir 10 tahun.
- 5.4 **YH Dato' Haji Ayob bin Haji Abdul Ghani (Anggota : 1938)** bersetuju dengan teguran Encik Ab Gafa bin Keme mengenai perkara tersebut dan menyatakan sekiranya perlu KOSMA boleh menyewa bas sahaja bagi mengelakkan kos-kos lain seperti perbelanjaan penyelenggaraan dan sebagainya.
- 5.5 **YH Dato' Sri Pengerusi** menyatakan bahawa itu hanyalah anggaran dan akan digunakan sekiranya perlu sahaja. Malah kenderaan van yang sedia ada juga sudah tidak dapat menampung keperluan semasa. Walau bagaimanapun teguran tersebut diambilkira.
- 5.6 **Puan Ng Ai Ling (Anggota : 2617)** merujuk muka surat 98 dan ingin menarik perhatian mengenai Belanjawan Perbelanjaan Pentadbiran bagi item *Gaji, bonus dan elaun kakitangan*. Kalau diperhatikan jumlah bagi tahun 2015 lebih tinggi sebanyak 68% daripada jumlah tahun 2014. Beliau kurang faham rasional dan asas kenaikan tersebut yang agak tinggi sedangkan keuntungan menurun bagi tahun 2014.
- 5.7 **YH Dato' Bendahari** menerangkan bahawa kenaikan tersebut mengambilkira faktor pertambahan kakitangan, kenaikan gaji, bonus serta imbuhan-imbuhan lain. Walau bagaimanapun setelah pindaan dibuat, jumlah yang diperuntukkan hanyalah RM2.6 juta dan kurang daripada bajet asal.
- 5.8 **Pengurus Kewangan** menambah bahawa angka asal bagi tahun 2014 adalah RM2.5 juta semasa belanjawan disediakan. Oleh yang demikian berdasarkan angka ini, kenaikan hanyalah sebanyak 5% bagi tahun 2015 dan tahun 2016. Walau bagaimanapun, angka RM2.5 juta ini telah diubah setelah Anggota Lembaga memutuskan untuk memotong peruntukan bonus kakitangan sebanyak lebih kurang RM900 ribu dalam Mesyuarat Anggota Lembaga terakhirnya menjadikan angka sebenar bagi tahun 2014 hanya RM1.6 juta sahaja.
- 5.9 **Tuan Haji Jamil bin Ninggal (Anggota : 2785)** berpendapat sekiranya peratusan tersebut dianggap tidak rasional maka ia perlu dikaji semula.
- 5.10 **YH Dato' Sri Pengerusi** menerangkan bahawa apabila Anggota Lembaga memutuskan sesuatu peruntukan ia hanyalah suatu anggaran sahaja. Sebagai contoh bonus kakitangan pada tahun ini telah dikurangkan dengan kadar empat (4) bulan sahaja. Malah gaji kakitangan juga telah diselaraskan semula. Anggota Lembaga berhak memutuskan jumlah tersebut berdasarkan pendapatan yang diperolehi.
- 5.11 **YH Dato' Abd Rahim bin Uda (Anggota : 2595)** mencadangkan supaya agenda Menimbang Dan Meluluskan Pindaan Belanjawan 2015 Dan Anggaran Belanjawan 2016 diluluskan dan cadangan ini disokong oleh **YH Dato' Sri Dr Omar bin Haji Othman (Anggota:2299)** serta dipersetujui sebulat suara oleh mesyuarat.

6.0 MELULUSKAN ELAUN – ELAUN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN DAN SARAAN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA YANG DILANTIK SEBAGAI PENGARAH KEPADA SUBSIDIARI KOPERASI – KMA 06/2014

6.1 **YH Dato' Shahbudin bin Imam Mohamad** membentangkan Kertas Bil-KMA 06/2014 iaitu bagi Meluluskan Elaun – elaun kepada Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam dan Saran kepada Anggota Lembaga yang dilantik sebagai Pengarah kepada Subsidiari Koperasi (muka surat 110-111).

Selama ini Anggota-anggota KOSMA sentiasa didedahkan perkembangan semasa dalam perjumpaan Majlis Mesra yang diatur setiap tahun. Penerangan telah dibuat mengenai bidang pengurusan, pentadbiran, pendapatan, perbelanjaan, kemajuan, masalah dan sebagainya bagi tatapan anggota. Diakhir-akhir ini, kehadiran dalam perjumpaan Majlis Mesra semakin merosot. Mungkin Anggota-anggota tidak ada kelapangan khusus atau telah memahami sebahagian besar perkara yang dibentangkan, termasuklah isu-isu semasa dan hal-hal untung rugi dalam perniagaan dan perkembangan ekonomi terkini.

Perjumpaan seperti ini sudah tentu memerlukan belanja agak besar; maka KOSMA harus mengkaji bentuk perjumpaan / penerangan yang lebih sesuai dan berkesan, sambil menjimatkan masa dan perbelanjaan. Mungkin dua, tiga tahun sekali, mungkin tidak mesti di setiap daerah, mungkin masa yang sesuai seperti perjumpaan Hari Raya, menyambut Hari Kebangsaan, Hari Koperasi ataupun hari keluarga di Kompleks Perladangan KOSMA.

Saudara-saudari Anggota sekalian,

Menyentuh isu-isu yang ditimbulkan oleh segelintir Anggota mengenai KOSMA seperti pembaziran dalam urusan perniagaan hotel, hartanah, Ar-Rahnu, atau ada yang bertanya pula di mana duit yuran syer mereka, masih ada disimpan atau tidak? Baru-baru ini timbul pula suara-suara kononnya pembaziran tentang menubuhkan YAYASAN KOSMA. Dengan sebab itulah kata mereka yang menyebabkan dividen berkurangan tahun ini. Lupakah kita bermula dengan dividen 1000, 2000 berperingkat-peringkat setiap tahun dengan tanpa apa-apa bayaran lain.

Saya tidak akan mengulas satu persatu di sini, kerana saya menganggap perkara tersebut telah sama-sama kita putuskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan, dan telah dikaji lebih daripada 2 tahun sebelum sebarang pelaksanaan dibuat. Saya tidak percaya mereka ini tidak bersetuju apa yang diputus dan dilaksanakan, tetapi mungkin untuk menzahirkan fikiran yang luar biasa. Walaupun begitu saya berharap mereka mestilah memandang lebih jauh, lebih terbuka dan lebih ilmiah. Suka saya mengingatkan lagi bahawa harta KOSMA ini adalah harta rakyat lain juga, yakni bukan hak mutlak untuk Anggota KOSMA 1704 ini sahaja. Anggaplah ini adalah rezeki kerana tidak ada koperasi dalam dunia ini seperti KOSMA.

Ada pihak-pihak di luar sana yang mengharap KOSMA mengagih-agihkan sedikit rezeki Allah Taala dan membuka peluang menjadi Anggota KOSMA. Mari kita renung sejenak sedalam-dalamnya, adakah dengan modal berbayar kita 10-20 ribu, atau 50 ribu, dapat kita melabur, membeli, memiliki tanah ladang yang berpuluh-puluh ribu ekar yang dapat menghasilkan beratus-ratus juta. Tiap-tiap tahun kita dapat mengagihkan berpuluh-puluh ribu dividen atau berpuluh juta agihan kepada Anggota. Jauhkanlah perasaan tamak, bakhil, di hati sanubari kita. Apakah Anggota KOSMA menyedari hakikat ini, yang menyebabkan kita perlu angkuh? Lupa daratan?. Kepada Anggota KOSMA yang kurang yakin, kurang puas hati, kurang bersyukur, atau sentiasa mempertikaikan kemana arah tuju KOSMA ini, yang mungkin mendatangkan kerugian besar pulangan kepada mereka disebabkan pengurusan yang tidak cekap, maka bolehlah mohon mengeluarkan modalnya serta merta untuk dilaburkan di mana-mana 'Institusi Kewangan' yang difikirkan lebih menguntungkan mereka. Mereka juga boleh menjual saham mereka kepada sesama Anggota KOSMA sahaja mengikut UUK. Selagi UUK tidak dipinda kita tidak dapat amalkan lebih daripada peruntukan itu. Orang luar memandang KOSMA macam anak dara, bila-bila sahaja boleh dipinang, tetapi kita sebagai Anggota KOSMA selalu sahaja mempertikaikan menidak-nidakkan apa sahaja yang dilaksanakan oleh pimpinan KOSMA.



Saudara – saudara sekalian,

Berbalik kepada pemilihan Anggota Lembaga yang kosong 3 orang setiap tahun, terpulanglah kepada Anggota menentukan keputusan. Ada kalanya mereka telah berkempen secara luar biasa. Kami sentiasa membuat apa sahaja yang baik, yakni tidak memutuskan sesuatu perkara dengan sewenang-wenangnya. Namun begitu untuk memberikan kepuasan kepada tiap seorang dari Anggota, adalah perkara mustahil.

Antara kami 11 orang Anggota Lembaga tidak ada seorang pun yang lebih, samada pembahagian elaun kuasa, elaun, mahupun tugas. Kita tidak kira kedudukan jawatan, Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Bendahari mahupun Jawatankuasa. Elaun dibuat sama besar, honorarium pun diberi sama rata.

Kereta pun tidak boleh disediakan khas untuk Pengerusi kerana tarafnya sama sahaja. Inilah keistimewaan KOSMA, jika dibandingkan dengan syarikat-syarikat atau organisasi-organisasi yang lain dalam dunia ini.

Sebagai contoh; katakanlah ada lebih seringgit dalam pembahagian itu, maka yang seringgit itu pun mesti dibahagikan sebelas. **‘no way, no hide’** Pengerusi akan dapat lebih atau berkuasa lebih dari Anggota Lembaga yang lain. Maka itu, saya tidak hairan dan rasa terlalu ghairah memegang Jawatan Pengerusi KOSMA. Namun, pandangan pihak luar memang menganggap Pengerusi KOSMA hebat dan istimewa sangat orangnya. Apa tidaknya, apabila disebut sahaja KOSMA, maka hampir terkenal seantero Malaysia, terutama di kalangan Koperasi yang berjumlah 11,871 buah Koperasi berdaftar dan jumlah Anggota seramai 7.4 juta. Bagi Negeri Pahang, jumlah Koperasi berdaftar, 927, dan jumlah Anggota, 302,129. Semua Anggota Lembaga tidak terlepas daripada dikenakan Cukai Pendapatan individu dalam apa juga bayaran yang diterima setiap tahun.

Tetapi hakikat sebenarnya, **‘haph pun tarak’**

“Dengar sini Jabbar, kau jangan salahkan sesiapa, sebab kau yang sanggup pikul tugas ini. Aku anggap tentulah engkau yang dapat banyak faedahnya”.

Untuk menentukan KOSMA ini terus berkesan dan stabil maka tiap-tiap Anggota Lembaga telah diberi tugas khas masing-masing memimpin Jawatankuasa Kecil mereka. Mungkin dengan ini menambahkan keberkesannya, seperti dalam hal pentadbiran, pelaburan, pembangunan, perhubungan dan sebagainya. Sebagai contoh, Dato' Khadri bin Musa ditugaskan menyelia, penyelenggaraan mengenai projek pembangunan Hotel, Kompleks Perladangan, kemudahan asas dan sebagainya, telah dipertanggungjawabkan kepada beliau, kerana pengalamannya yang luas dalam bidang tersebut. KOSMA sendiri tidak ada pegawai khusus untuk menyelia dalam bidang ini. Begitu juga Anggota-anggota Lembaga yang lain yang dipertanggungjawabkan sesuatu bidang mereka.

Saudara – saudara Anggota,

Untuk makluman Anggota-anggota sekalian bahawa KOSMA telah cuba menumpukan perniagaan utamanya dalam bidang perladangan. Barang di ingat ketika ini harga sama ada tanah kosong ataupun yang telah ditanam, amat tinggi nilainya mengikut pasaran. Jawatankuasa pelaburan telah meninjau tanah-tanah kosong atau ladang yang ditawarkan kepada KOSMA seperti di Sabah, Sarawak, Perak, Kelantan, Terengganu mahupun dalam Pahang sendiri, didapati amat kurang sesuai.

Oleh itu, di masa akan datang apabila KOSMA Holdings yang didaftarkan sebagai sebuah syarikat milik KOSMA yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Agung Tahun 2014, maka kita mengharapkan KOSMA Holdings dapat berfungsi dengan sebaik mungkin. KOSMA Holdings akan diberi peluang perniagaan untuk membangunkan sebidang tanah milik KOSMA seluas 2 ekar di tengah-tengah Bandar Kuantan untuk dijadikan sebagai Mercu Tanda KOSMA.



Diharapkan pembangunan ini menjadi kenyataan. Berapa buah syarikat terkemuka luar dan dalam negeri telah mengemukakan cadangan mereka, dan pemilihan terakhirnya dengan perjanjian terperinci akan diputuskan dalam masa terdekat. Barang di ingat untuk mendapat sesuatu yang berfaedah dalam perniagaan kita tidak ada jalan mudah dengan lampu ajaib Aladdin.

Akhirnya, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada hadirin hadirat, Anggota KOSMA, SKM, Angkasa, MPK, Pihak Keselamatan dan seterusnya kakitangan KOSMA yang sama-sama turut menjayakan Mesyuarat Agung Kali Ke-33 hari ini.

Tidak lupa saya memohon maaf, jika terdapat sebarang kekurangan dan kekasaran bahasa semasa menjalankan Mesyuarat pada hari ini. Saya akhiri dengan serangkap dua pantun:

*Bunga semalu buah Zaiton,
Nasi beriani naik harga,
Dulu – dulu ada pantun,
Hari ini ada juga.*

*Perawan muda makan jeruk,
Duduk Masjid banyak berzikir,
Ucapan saya bukan merajuk,
Minta sedikit Anggota berfikir.*

*Rakus sungguh si anak kera,
Kempen mereka lantas berdemo,
Bagusnya KOSMA tidak terkira,
Dapat dividen suka sokmo.*

Sekian, Wabillah Hi Taufik Walhidayah....

Wassalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh....

AGENDA : 3 KERTAS BIL : KMA. 03/2015

MENIMBANG LAPORAN LEMBAGA DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI TAHUN 2015/2016

1.0 PENDAHULUAN

Anggota Lembaga dengan sukacitanya membentangkan Laporan Lembaga Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) bagi tahun 2015/2016 untuk makluman anggota-anggota sekalian.

2.0 KEANGGOTAAN

Sehingga 31 Disember 2015 jumlah anggota KOSMA adalah seramai 1,702 orang dan jumlah kedudukan Modal Syer dan Unit Ladang anggota KOSMA adalah seperti dalam buku Laporan dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015.

3.0 MESYUARAT LEMBAGA (SEHINGGA APRIL 2016)

3.1 Anggota Lembaga telah mengadakan 10 Mesyuarat iaitu 7 Mesyuarat Lembaga dan 3 Mesyuarat Lembaga Khas seperti Jadual di bawah :-

Tarikh	Bilangan Mesyuarat
13.06.2015	Mesyuarat Lembaga Bil 1-2015/2016
26.06.2015	Mesyuarat Lembaga Bil 2-2015/2016
17.08.2015	Mesyuarat Lembaga Bil 3-2015/2016
10.09.2015	Mesyuarat Lembaga Khas Bil 1-2015/2016
29.10.2015	Mesyuarat Lembaga Bil 4-2015/2016
24.11.2015	Mesyuarat Lembaga Khas Bil 2-2015/2016
29.12.2015	Mesyuarat Lembaga Bil 5-2015/2016
22.02.2016	Mesyuarat Lembaga Bil 6-2015/2016
30.03.2016	Mesyuarat Lembaga Bil 7-2015/2016
26.04.2016	Mesyuarat Lembaga Khas Bil 3-2015/2016

3.2 Sehingga April 2016, senarai kehadiran Anggota-anggota Lembaga KOSMA bagi mesyuarat Lembaga adalah seperti berikut :

Nama	Jawatan	Kehadiran
YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim	Pengerusi	9/10
YH Dato' Haji Zainal bin Hassan	Timbalan Pengerusi	10/10
Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari	Setiausaha	10/10
YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh	Bendahari	10/10
YB Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail	Wakil Kerajaan	7/10
YH Dato' Haji Mohamad Sahfri bin Ab. Aziz	Wakil Kerajaan	7/10
YH Tok Muda Dato' Haji Asmad bin Haji Sulaiman	Anggota Lembaga	9/10
YH Dato' Shahbudin bin Imam Mohamad	Anggota Lembaga	9/10
YH Dato' Haji Mohd Suah bin Haji Burok	Anggota Lembaga	10/10
YH Dato' Haji Khadri bin Musa	Anggota Lembaga	9/10
Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad	Anggota Lembaga	9/10



- 3.3 Mesyuarat Lembaga Bil 01-2015/2016 yang diadakan pada 13 Jun 2015 telah memilih dan melantik Anggota Lembaga Berjawatan seperti berikut:-

Nama	Jawatan
YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim	Pengerusi
YH Dato' Haji Zainal bin Hassan	Timbalan Pengerusi
Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari	Setiausaha
YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh	Bendahari

- 3.4 Senarai Anggota Lembaga Penuh beserta Jawatan adalah seperti berikut :

Nama	Jawatan
YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim	• Pengerusi J/K Pengurusan, Kewangan dan Pelaburan • Pengerusi J/K Tender, Inventori dan Pelupusan Aset • Pengerusi J/K Perladangan • Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA • Lembaga Pengarah Wujud Wawasan Sdn Bhd
YH Dato' Haji Zainal bin Hassan	• Pengerusi Lembaga Pengarah KOSMA Holdings Sdn Bhd • Ahli J/K Pengurusan, Kewangan dan Pelaburan • Ahli J/K Tender, Inventori dan Pelupusan Aset • Ahli J/K Perladangan • Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA • Lembaga Pengarah Wujud Wawasan Sdn Bhd
Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari	• Setiausaha J/K Pengurusan, Kewangan dan Pelaburan • Setiausaha J/K Tender, Inventori dan Pelupusan Aset • Setiausaha J/K Perladangan • Setiausaha J/K Perkhidmatan, Perjawatan dan Tatatertib • Setiausaha J/K Kebajikan Anggota, Seranta dan Penerbitan • Setiausaha J/K Pengurusan Ar-Rahnu • Setiausaha Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA
YH Dato' Haji Mokhtar bin Hj. Mat Salleh	• Ahli J/K Pengurusan, Kewangan dan Pelaburan • Ahli J/K Tender, Inventori dan Pelupusan Aset • Ahli J/K Perladangan • Ahli J/K Pengurusan Ar-Rahnu • Ahli Lembaga Pengarah KOSMA Holdings Sdn Bhd • Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA



YB Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail	• Pengerusi J/K Pengurusan Risiko • Ahli J/K Tender, Inventori dan Pelupusan Aset • Ahli J/K Perladangan
YH Dato' Haji Mohamad Sahfri bin Ab. Aziz	• Pengerusi J/K Pengurusan Ar-Rahnu KOSMA • Ahli J/K Perladangan
YH Tok Muda Dato' Haji Asmad bin Haji Sulaiman	• Ahli J/K Perladangan • Ahli J/K Perkhidmatan, Perjawatan dan Tatatertib • Ahli J/K Kebajikan Anggota, Seranta dan Penerbitan • Ahli J/K Khas Skim Pelaburan KOSMA 2 dan Cadangan Tambahan Unit Ladang kepada Anggota
YH Dato' Shahbudin bin Imam Mohamad	• Pengerusi J/K Perkhidmatan, Perjawatan dan Tatatertib • Pengerusi J/K Khas Skim Pelaburan KOSMA 2 dan Cadangan Tambahan Unit Ladang kepada Anggota • Ahli J/K Tender, Inventori dan Pelupusan Aset • Ahli J/K Perladangan • Ahli Lembaga Pengarah KOSMA Holdings Sdn Bhd
YH Dato' Haji Mohd Suah bin Haji Burok	• Pengerusi Lembaga Pengarah KOSMA Tourism Sdn Bhd • Ahli J/K Perladangan • Ahli J/K Perkhidmatan, Perjawatan dan Tatatertib • Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA • Ahli J/K Khas Skim Pelaburan KOSMA 2 dan Cadangan Tambahan Unit Ladang kepada Anggota
YH Dato' Haji Khadri bin Musa	• Pengerusi Kebajikan Anggota, Seranta Dan Penerbitan • Ahli J/K Tender, Inventori dan Pelupusan Aset • Ahli J/K Perladangan • Ahli Lembaga Pengarah KOSMA Holdings Sdn Bhd
Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad	• Ahli J/K Perladangan • Ahli J/K Kebajikan Anggota, Seranta dan Penerbitan • Ahli J/K Pengurusan Ar-Rahnu • Ahli Lembaga Pengarah KOSMA Tourism Sdn Bhd

3.5 Laporan Aktiviti Lembaga yang telah dijalankan.

Tarikh	Aktiviti
15.06.2015	Rundangan Harga Baja Kumpulan Perladangan KOSMA bagi separuh tahun kedua 2015.



10.07.2015	Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan KOSMA di Istana Abdul Aziz Kuantan
14-16.08.2015	Majlis Hari Koperasi Negara 2015 di Tebingan Kuching, Sarawak
10.09.2015	Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara KOSMA dan Ho Hup Construction Sdn Bhd
17.09.2015	Majlis Mesyuarat Perundangan Kop Negeri Pahang Bil I Tahun 2015 di Genting View Resort
17-18.09.2015	Jemputan Menyertai Seminar Pembangunan Perniagaan Koperasi 2015 di Genting View Resort
28.09.2015	Mesyuarat Pembukaan – Pemeriksaan di bawah Seksyen 64 Akta Koperasi 1993 ke Atas KOSMA
29.09-13.10.2015	Pemeriksaan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) di bawah Seksyen 64 Akta Koperasi 1993 ke Atas KOSMA
17.12.2015	Majlis Penutup Kem Yayasan KOSMA di Kumpulan Perladangan KOSMA
11.01.2016	Lawatan Harmoni oleh Jabatan Perusahaan Pahang di Ibu pejabat KOSMA
21-23.01.2016	KOSMA Brainstorming 2016 di Colmar Tropicale Bukit Tinggi
30.01.2016	Perjumpaan dengan Kakitangan di Kumpulan Perladangan KOSMA
23.02.2016	Bengkel Semakan Semula Akta Koperasi 1993 di Kompleks Dagangan Mahkota, Indera Mahkota
02.03.2016	Perjumpaan pertama bagi pembentukan Usahasama di antara Ho Hup Construction Company Berhad dan KOSMA di Pejabat Ho Hup, Bukit Jalil
05.04.2016	Perjumpaan kedua bagi pembentukan Usahasama di antara Ho Hup Construction Company Berhad dan KOSMA di Pejabat Ho Hup, Bukit Jalil

4.0 LAPORAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA KECIL (SEHINGGA APRIL 2016)

4.1 Jawatankuasa Pengurusan, Kewangan dan Pelaburan

4.1.1 Bagi sesi 2015/2016, Jawatankuasa Pengurusan, Kewangan dan Pelaburan telah mengadakan mesyuarat sebanyak 11 kali seperti jadual berikut :-

Tarikh	Bilangan Mesyuarat
19.06.2015	Mesyuarat JK Pengurusan Bil 1-2015/2016
30.07.2015	Mesyuarat JK Pengurusan Bil 2-2015/2016
10.09.2015	Mesyuarat JK Pengurusan Bil 3-2015/2016
13.10.2015	Mesyuarat JK Pengurusan Bil 4-2015/2016
23.10.2015	Mesyuarat JK Pengurusan Khas Bil 1-2015/2016
12.11.2015	Mesyuarat JK Pengurusan Bil 5-2015/2016
07.12.2015	Mesyuarat JK Pengurusan Bil 6-2015/2016
11.01.2016	Mesyuarat JK Pengurusan Bil 7-2015/2016
12.02.2016	Mesyuarat JK Pengurusan Bil 8-2015/2016
23.03.2016	Mesyuarat JK Pengurusan Bil 9-2015/2016
18.04.2016	Mesyuarat JK Pengurusan Bil 10-2015/2016

4.1.2 Senarai Kehadiran Mesyuarat adalah seperti berikut :-

Nama	Jawatan	Kehadiran
YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim	Pengerusi	11/11
YH Dato' Haji Zainal bin Hassan	Timbalan Pengerusi	10/11
Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari	Setiausaha	11/11
YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh	Bendahari	11/11

4.2 Jawatankuasa Tender, Inventori dan Pelupusan Aset

4.2.1 Bagi sesi 2015/2016, Jawatankuasa Tender, Inventori dan Pelupusan Aset telah mengadakan mesyuarat sebanyak 3 kali seperti jadual berikut:-

Tarikh	Bilangan Mesyuarat
15.06.2015	Mesyuarat JK Tender, Inventori dan Pelupusan Aset Bil 1-2015/2016
29.09.2015	Mesyuarat JK Tender, Inventori dan Pelupusan Aset Bil 2-2015/2016
07.12.2015	Mesyuarat JK Tender, Inventori dan Pelupusan Aset Bil 3-2015/2016

4.2.2 Senarai Kehadiran Mesyuarat adalah seperti berikut :-

Nama	Jawatan	Kehadiran
YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim	Pengerusi	2/3
YH Dato' Haji Zainal bin Hassan	Timbalan Pengerusi	3/3
Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari	Setiausaha	3/3
YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh	Bendahari	3/3
YB Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail	Anggota	0/3
YH Dato' Shahbudin bin Imam Mohamad	Anggota	3/3
YH Dato' Haji Khadri bin Musa	Anggota	3/3

4.2.3 Aktiviti yang dijalankan.

- Rundingan dengan syarikat-syarikat pembekal baja mengenai keperluan baja bagi setengah tahun kedua 2015.
- Rundingan dengan syarikat-syarikat pembekal baja mengenai keperluan baja bagi setengah tahun pertama 2016.

4.3 Jawatankuasa Perlindungan

4.3.1 Bagi sesi 2015/2016, Jawatankuasa Perlindungan telah mengadakan mesyuarat sebanyak 4 kali seperti berikut :-

Tarikh	Bilangan Mesyuarat
29.09.2015	Mesyuarat JK Perlindungan Bil 1-2015/2016
25.11.2015	Mesyuarat JK Perlindungan Bil 2-2015/2016
16.12.2015	Mesyuarat JK Perlindungan Khas Bil 1-2015/2016
30.01.2016	Mesyuarat JK Perlindungan Bil 3-2015/2016



4.3.2 Senarai Kehadiran Mesyuarat adalah seperti di bawah :-

Nama	Jawatan	Kehadiran
YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim	Pengerusi	3/4
YH Dato' Haji Zainal bin Hassan	Timbalan Pengerusi	3/4
Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari	Setiausaha	4/4
YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh	Bendahari	3/4
YB Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail	Wakil Kerajaan	0/4
YH Dato' Haji Mohamad Sahfri bin Ab Aziz	Wakil Kerajaan	1/4
YH Tok Muda Dato' Haji Asmad bin Haji Sulaiman	Anggota Lembaga	4/4
YH Dato' Shahbudin bin Imam Mohamad	Anggota Lembaga	3/4
YH Dato' Haji Mohd Suah bin Haji Burok	Anggota Lembaga	4/4
YH Dato' Haji Khadri bin Musa	Anggota Lembaga	4/4
Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad	Anggota Lembaga	4/4
Tuan Haji Mohd Rahim bin Awang	Jawatankuasa	2/4
Tuan Haji Ab. Gafa bin Keme	Jawatankuasa	3/4

4.3.3 Aktiviti yang dijalankan.

- Pembentangan laporan Kemajuan Kerja ladang.
- Pembentangan mengenai status Tenaga Kerja Asing (TKA) di Ladang KOSMA.
- Taklimat oleh Agen Pengurusan – Pencapaian Prestasi Kumpulan Perladangan KOSMA

4.4 Jawatankuasa Perkhidmatan, Perjawatan dan Tatatertib

4.4.1 Bagi sesi 2015/2016, Jawatankuasa Perkhidmatan, Perjawatan dan Tatatertib telah mengadakan mesyuarat sebanyak 3 kali seperti berikut:-

Tarikh	Bilangan Mesyuarat
28.10.2015	Mesyuarat JK Perkhidmatan, Perjawatan dan Tatatertib Bil 1-2015/2016
30.11.2015	Mesyuarat JK Perkhidmatan, Perjawatan dan Tatatertib Bil 2-2015/2016
14.04.2016	Mesyuarat JK Perkhidmatan, Perjawatan dan Tatatertib Bil 3-2015/2016

4.4.2 Berikut adalah senarai kehadiran mesyuarat yang telah dijalankan.

Nama	Jawatan	Kehadiran
YH Dato' Shahbudin bin Imam Mohamad	Pengerusi	3/3
Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari	Setiausaha	3/3
YH Tok Muda Dato' Haji Asmad bin Haji Sulaiman	Jawatankuasa	3/3
YH Dato' Haji Mohd Suah bin Haji Burok	Jawatankuasa	3/3
YH Dato' Haji Baharom bin Mohd Noor	Jawatankuasa	2/3
Tuan Haji Hamdy bin Abdul Basek	Jawatankuasa	1/3
Encik Shamsul Rijal bin Mohamed Salleh	Jawatankuasa	3/3
Puan Rosnah binti Jaafar	Jawatankuasa	3/3

4.4.3 Aktiviti yang dijalankan.

- Penyediaan Skim Perkhidmatan Kakitangan KOSMA.
- Penilaian prestasi kakitangan KOSMA bagi Tahun 2015.
- Pengisian Jawatan Kosong, Tatatertib dan lain-lain.

4.5 Jawatankuasa Kebajikan Anggota, Seranta dan Penerbitan

4.5.1 Bagi sesi 2015/2016, Jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat sebanyak 3 kali iaitu seperti berikut :-

Tarikh	Bilangan Mesyuarat
03.11.2015	Mesyuarat JK Kebajikan Anggota, Seranta dan Penerbitan Bil 1-2015/2016
12.01.2016	Mesyuarat JK Kebajikan Anggota, Seranta dan Penerbitan Bil 2-2015/2016
10.04.2016	Mesyuarat JK Kebajikan Anggota, Seranta dan Penerbitan Bil 3-2015/2016

4.5.2 Senarai kehadiran mesyuarat bagi Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:-

Nama	Jawatan	Kehadiran
YH Dato' Haji Haji Khadri bin Musa	Pengerusi	3/3
Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari	Setiausaha	3/3
YH Tok Muda Dato' Haji Asmad bin Haji Sulaiman	Jawatankuasa	3/3
Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad	Jawatankuasa	3/3
YH Dato' Haji Abdullah bin Majid	Jawatankuasa	2/3
YH Dato' Haji Abdul Aziz bin Haji Abdullah	Jawatankuasa	1/3
Drs Kamarazaman bin Zainal Abidin	Jawatankuasa	2/3
Encik Anuar bin Mohd Lazim	Jawatankuasa	3/3
Tuan Haji Bahaudil @ Bahaudin bin Hussin	Jawatankuasa	3/3
Tuan Haji Eddy Sabri bin Mohd	Jawatankuasa	3/3
Tuan Haji Shaari bin Harith	Jawatankuasa	2/3
Mr Ganesan a/l Sockalingram	Jawatankuasa	3/3
Tuan Haji Alias bin Mohamad Nor	Jawatankuasa	3/3
Encik Mohd Khairi bin Dahlan	Jawatankuasa	0/3
Puan Rosdalina bt Haji Mohd Dahlan	Jawatankuasa	3/3
Puan Ong So Eng	Jawatankuasa	3/3

4.5.3 Aktiviti yang dijalankan.

- Majlis Mesra/Penerangan Anggota 2016 bagi setiap zon/daerah seperti jadual berikut :-

Tarikh	Daerah/Zon	Tempat
09.04.2016	KL/Selangor/Perak/Penang/Kedah/Perlis/ Melaka/Johor/ Negeri Sembilan	Kuala Lumpur International Hotel
23.04.2016	Temerloh/Mentakab/Bera/Chenor/ Jerantut/Jengka/Maran	Hotel Seri Malaysia Temerloh
30.04.2016	Kuantan/Terengganu/Kelantan/ Rompin/Pekan	Hotel MS Garden Kuantan



- ii. Menerbitkan Buletin KOSMA iaitu Terbitan ke 22-November 2015 dan Terbitan ke 23-Mei 2016.

4.6 Jawatankuasa Pengurusan Ar Rahnu

- 4.6.1 Bagi sesi 2015/2016, Jawatankuasa Pengurusan Ar-Rahnu telah mengadakan mesyuarat sebanyak 4 kali iaitu seperti jadual berikut :-

Tarikh	Bilangan Mesyuarat
11.11.2015	Mesyuarat JK Ar-Rahnu Bil 1-2015/2016
22.12.2015	Mesyuarat JK Ar-Rahnu Khas Bil 1-2015/2016
28.12.2015	Mesyuarat JK Ar-Rahnu Bil 2-2015/2016
22.02.2016	Mesyuarat JK Ar- Rahnu Bil 3-2015/2016
26.04.2016	Mesyuarat JK Ar- Rahnu Bil 4-2015/2016

- 4.6.2 Senarai Kehadiran Mesyuarat adalah seperti berikut :-

Nama	Jawatan	Kehadiran
YH Dato' Haji Mohamad Sahfri bin Ab Aziz	Pengerusi	4/5
Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari	Setiausaha	5/5
Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad	Jawatankuasa	3/5
Tuan Haji Dr Sharafuddin Aisa bin Haji Othman	Jawatankuasa	2/5
Tuan Haji Ibaruslan bin Sulaiman	Jawatankuasa	5/5
Puan Puteri Ruziyana binti S'aban	Jawatankuasa	5/5

- 4.6.3 Aktiviti dan Perancangan Jawatankuasa
- Membuat pemantauan dan Pemeriksaan operasi oleh Jawatankuasa Ar Rahnu di premis Ar Rahnu KOSMA.
 - Membuat cadangan promosi dan pemasaran strategik untuk Ar Rahnu KOSMA.

4.7 Jawatankuasa Khas Mengkaji Skim Pelaburan KOSMA 2 Dan Cadangan Penambahan Unit Ladang Bagi Anggota-Anggota KOSMA

- 4.7.1 Bagi sesi 2015/2016, Jawatankuasa Khas Mengkaji Skim Pelaburan KOSMA 2 dan Cadangan Penambahan Unit Ladang bagi Anggota-Anggota KOSMA telah mengadakan mesyuarat sebanyak 5 kali iaitu seperti jadual berikut :-

Tarikh	Bilangan Mesyuarat
28.10.2015	Mesyuarat Jawatankuasa Khas Mengkaji Skim Pelaburan KOSMA 2 dan Cadangan Penambahan Unit Ladang bagi Anggota-Anggota KOSMA Bil 01-2015/2016
30.11.2015	Mesyuarat Jawatankuasa Khas Mengkaji Skim Pelaburan KOSMA 2 dan Cadangan Penambahan Unit Ladang bagi Anggota-Anggota KOSMA Bil 02-2015/2016



15.12.2015	Mesyuarat Jawatankuasa Khas Mengkaji Skim Pelaburan KOSMA 2 dan Cadangan Penambahan Unit Ladang bagi Anggota-Anggota KOSMA Bil 03-2015/2016
25.01.2016	Mesyuarat Jawatankuasa Khas Mengkaji Skim Pelaburan KOSMA 2 dan Cadangan Penambahan Unit Ladang bagi Anggota-Anggota KOSMA Bil 04-2015/2016
14.04.2016	Mesyuarat Jawatankuasa Khas Mengkaji Skim Pelaburan KOSMA 2 dan Cadangan Penambahan Unit Ladang bagi Anggota-Anggota KOSMA Bil 05-2015/2016

4.7.2 Senarai kehadiran mesyuarat adalah seperti berikut :-

Nama	Jawatan	Kehadiran
YH Dato' Shahbudin bin Imam Mohamad	Pengerusi	5/5
Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari	Setiausaha	5/5
YH Dato' Haji Mohd Suah bin Haji Burok	Jawatankuasa	5/5
YH Tok Muda Dato' Haji Asmad bin Haji Sulaiman	Jawatankuasa	5/5
Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamed	Jawatankuasa	5/5
Tuan Haji Osman bin Abu Bakar	Jawatankuasa	5/5
Encik Kamarul Baharin bin Dato' Ab Rahman	Jawatankuasa	5/5
Encik Azaham Shah bin Badrillah	Jawatankuasa	5/5

4.7.3 Aktiviti yang dijalankan.

- Perbincangan (Penelitian dan pembaikan) terhadap Deraf Laporan Jawatankuasa Khas Mengkaji Skim Pelaburan KOSMA 2 dan Cadangan Penambahan Unit Ladang bagi Anggota-anggota KOSMA oleh Pasukan Kerja yang dilantik.
- Pembentangan mengenai Deraf Laporan Jawatankuasa Khas Mengkaji Skim Pelaburan KOSMA 2 dan Cadangan Penambahan Unit Ladang bagi Anggota-anggota KOSMA di Mesyuarat Anggota Lembaga KOSMA.

4.8 Jawatankuasa Pengurusan Risiko

4.8.1 Bagi sesi 2015/2016, Jawatankuasa Pengurusan Risiko telah mengadakan mesyuarat sebanyak 1 kali iaitu seperti jadual berikut :-

Tarikh	Bilangan Mesyuarat
12.04.2016	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Bil 01-2015/2016

4.8.2 Senarai kehadiran mesyuarat adalah seperti berikut :-

Nama	Jawatan	Kehadiran
YH Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail	Pengerusi	1/1
Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari	Setiausaha	1/1
YH Dato' Haji Mohd Suah bin Haji Burok	Jawatankuasa	1/1
Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad	Jawatankuasa	1/1
YH Dato' Haji Azlan bin Uzir	Jawatankuasa	1/1



4.8.3 Aktiviti yang dijalankan.

- i. Membincangkan ;
 - a. Perintah Bertulis Suruhanjaya Koperasi Malaysia Di Bawah Seksyen 67 Akta Koperasi 1993.
 - b. GP 27 – Tadbir Urus Koperasi – Perlaksanaan Pengurusan Risiko Yang Berkesan.
- ii. Menubuhkan Unit Pengurusan Risiko.

4.9 Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA

4.9.1 Bagi sesi 2014/2015 dan 2015/2016, Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA telah mengadakan mesyuarat sebanyak 4 kali seperti jadual berikut :-

Tarikh	Bilangan Mesyuarat
01.06.2015	Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA Bil 06-2014/2015
15.10.2015	Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA Bil 07-2015/2016
16.02.2016	Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA Bil 08-2015/2016
22.04.2016	Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA Bil 09-2015/2016

4.9.2 Senarai kehadiran mesyuarat adalah seperti berikut :-

Nama	Jawatan	Kehadiran
YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim	Pengerusi	4/4
YH Dato' Haji Abdul Rahman bin Imam Arshad	Timbalan Pengerusi	4/4
YH Dato' Haji Zainal bin Hassan	Lembaga	3/4
YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh	Lembaga	4/4
YH Dato' Haji Mohd Suah bin Haji Burok	Lembaga	4/4
YH Dato' Haji Wan Abdullah bin Wan Salleh	Lembaga	4/4
YH Dato' Ahmad Fuad bin Dato' Haji Ibrahim	Lembaga	3/4
YH Dato' Noorhuda bt Alias	Lembaga	3/4
YH Dato' Haji Abdul Rahim bin Mohamad	Lembaga	3/4
Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari	Setiausaha	4/4

4.9.3 Aktiviti yang dijalankan :

- i. Kursus keibubapaan dan Kecemerlangan Akademi Menara Gading Kohort VIII atas Kerjasama bersama Yayasan Istana Abdul Aziz dan Universiti Kebangsaan Malaysia yang dirasmikan oleh KDYTM Tengku Puan Pahang.
- ii. Kem 7 Akademi Menara Gading, Kem Kecemerlangan Milik Bersama Ke Asrama Penuh (SBP). Bertempat di Sekolah Berasrama Penuh Wilayah Persekutuan.
- iii. Sumbangan kepada Pertandingan Pengisian Kenegaraan Peringkat Kebangsaan di Kolej Sains Kesihatan Bersekutu, Sultan Azlan Shah, Ulu Kinta, Perak.
- iv. Kolokium Pendidikan Gabungan Pelajar Melayu (GPMS) Negeri Pahang di Kompleks Dagangan Mahkota, Kuantan.



- v. Kem 8 Akademi Menara Gading, Analisis Skor 'A' SPM bertempat di Kompleks Dagangan Mahkota, Kuantan.
- vi. Anugerah Industri Graduan Cemerlang Universiti Tenaga Nasional 2015.
- vii. Kursus English For Hotel Industry.
- viii. Kem motivasi NLP (Neuro Linguistic Programming) untuk pelajar sekolah menengah tingkatan 3 dan 5, 2016 anjuran Yayasan di Kompleks Perladangan KOSMA.
- ix. Kem modul pemilihan bidang ke IPT dan Kerjaya Akademi Menara Gading Kohort VIII sesi 2014/2016 Kerjasama Bersama Yayasan Istana Abdul Aziz dan Yayasan KOSMA dan Universiti Kebangsaan Malaysia di Lembaga Kebajikan Perempuan Islam, Kuantan.
- x. Kem 10 Akademi Menara Gading, Pemilihan ke IPT dan Kem Kerjaya.

5.0 LAPORAN KOSMA TOURISM SDN BHD

- 5.1 KOSMA Tourism Sdn Bhd ditadbir oleh 5 orang ahli Lembaga Pengarah dan seorang Pengurus serta 5 orang kakitangan. Dinyatakan senarai Ahli Lembaga Pengarah dan kakitangannya :

5.1.1 AHLI LEMBAGA PENGARAH

Nama	Jawatan
Y.H. Dato' Haji Mohd Suah bin Haji Burok	Pengerusi
Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad	Pengarah
Tuan Haji Mohamed Napi bin Haji Ahmad	Pengarah
Encik Ravitharan A/L Ratnasingam	Pengarah
Puan Nual Hana binti Osman	Pengarah

5.1.2 PENGURUSAN DAN KAKITANGAN

Nama	Jawatan
Encik Shamsul Anuar bin Hussin	Pengurus
Cik Norazizi bt Ismail	Junior Executive
En. Mohd Khairulazli bin Dewaji	Pem. Tadbir Kewangan
En. Noor Firdaus bin Ismail	Penyambut Tetamu
Puan Rosnah bt Asari	House Keeping
En Abdul Karim bin Abdullah	Pengawal Keselamatan

5.2 PERHOTELAN

- 5.2.1 KOSMA Tourism Sdn Bhd menjalankan perniagaan perhotelan yang berkonsepkan bajet hotel. Syarikat ini mempunyai 18 buah bilik yang terdiri dari 3 kategori seperti berikut :

Jenis Bilik	Bil. Bilik	Kelengkapan
Bilik Orkid	6 bilik	2 katil besar
Bilik Anggerik	2 bilik	1 katil besar & 1 katil kecil
Bilik Melati	10 bilik	1 katil besar



5.2.2 Kelas Hotel/Rating

Hotel KOSMA bertaraf **Tiga (3) Orkid.**

5.2.3 Kemudahan di dalam Bilik Hotel

Setiap bilik Hotel KOSMA mempunyai kemudahan-kemudahan seperti berikut :

- i. Bilik berhawa dingin
- ii. Hot and cold shower
- iii. Astro - 3 saluran
- iv. Wi fi
- v. 2 helai sejadah setiap bilik
- vi. Air minuman/mineral setiap bilik

5.2.4 Dari segi pendapatan KOSMA Tourism Sdn Bhd boleh dirujuk di Penyata Kewangan KOSMA Tourism Sdn Bhd.

5.2.5 "Occupancy rate" bagi jualan bilik Hotel KOSMA bagi tahun 2015 adalah 76.2%.

5.2.6 KOSMA Tourism Sdn Bhd menyediakan 3 premis perniagaan untuk disewa seperti berikut :

PENYEWA		JUMLAH SEWA
Lot 1	WAR EAGLE ENTERPRISE	RM 700.00 sebulan
Lot 2	WAR EAGLE ENTERPRISE	RM 650.00 sebulan
Lot 3	NOOR HASLINA BT AHMAD	RM 600.00 sebulan

6.0 LAPORAN KOSMA HOLDINGS SDN BHD

6.1 KOSMA Holdings Sdn Bhd ditubuhkan pada 3 Mac 2014 dan ditadbir urus oleh 5 orang Ahli Lembaga Pengarah. Ahli Lembaga Pengarah tersebut adalah seperti berikut :

6.1.1 Ahli Lembaga Pengarah

Nama	Jawatan
YH Dato' Haji Zainal bin Hassan	Pengerusi
YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh	Pengarah
YH Dato' Shahbudin bin Imam Mohamad	Pengarah
YH Dato' Haji Khadri bin Musa	Pengarah
YH Dato' Azlan bin Uzir	Pengarah



6.1.2 Pengurusan dan Kakitangan

a) Kakitangan KOSMA Business Hotel

Nama	Jawatan
En Mohamed Razif bin Hashim	Pegawai Operasi (sehingga 18 November 2015)
Pn Nurfarhana binti Mohd Zaimi	Penyelia Penyambut Tetamu
Pn Zaiton Hakimisakuma	Pembantu Tadbir Kewangan
Cik Anis Afifah Samsul Izam	Penyambut Tetamu
Cik Nurul A'in Mohd Sharir	Penyambut Tetamu
Cik Aziza Athirah Abd Majed	Penyambut Tetamu
En Rosmaidi Mustafa Kamar	Pengemas Bilik
En Hariz Syahiran Rumli	Pengemas Bilik
En Mohd Ismail Ayob	Pengawal Keselamatan

b) Kakitangan KOSMA Boutique Hotel

Nama	Jawatan
Pn Nurul Wahida Jilani	Pembantu Tadbir Kewangan
Pn Nooryana Mohd Nasarudin	Penyambut Tetamu
Pn Mek Yam Salam	Pengemas Bilik
En Mohd Syuiab Samran	Pengemas Bilik
En Che Wan Mansur Che Wan Chik	Penyambut Tetamu

6.2 Aktiviti

KOSMA Holdings Sdn Bhd menjalankan perniagaan perhotelan yang berkonsepkan moden dan eksklusif iaitu KOSMA Business hotel dan KOSMA Boutique Hotel.

6.2.1 KOSMA Business Hotel

Mulai beroperasi pada 1 Februari 2015, dengan pembukaan harga bagi setiap bilik adalah RM100. KOSMA Business Hotel mempunyai 60 bilik secara keseluruhannya dan berikut merupakan jenis-jenis bilik yang terdapat di KOSMA Business Hotel.

Jenis Bilik	Kelengkapan
Premier Deluxe	1 katil besar sahaja
Famili (premier Deluxe + Standard B)	1 katil besar dan 2 katil bujang
Standard A	1 katil besar atau 2 katil bujang
Standard B	1 katil besar atau 2 katil bujang

i. KOSMA Business Hotel mempunyai kemudahan seperti berikut :

- Perkhidmatan kaunter 24 jam
- Kawalan Keselamatan Kamera Litar Tertutup



- c) Kemudahan Wi-Fi Percuma
- d) Bilik Di Lengkapi dengan Penghawa Dingin
- e) Bilik Dilengkapi dengan Televisyen Led siaran HYPPTV
- f) Telefon
- g) Pemanas Air
- h) Peti sejuk di dalam bilik (Premier Deluxe sahaja)
- i) Kafeteria
- j) Bilik persidangan – Maksimum 10
- k) Bilik seminar – Maksimum 20-30

- ii. Dari segi pendapatan KOSMA Business Hotel bolehlah dirujuk di Laporan dan Penyata Kewangan KOSMA Holdings Sdn Bhd. bagi tempoh berakhir 31 Disember 2015.
- iii. "Occupancy rate" bagi jualan bilik KOSMA Business Hotel bagi tahun 2015 adalah 35.34%.

6.2.2 **KOSMA Boutique Hotel**

KOSMA Boutique Hotel merupakan hotel ke-2 selepas pembukaan KOSMA Bajet Hotel. Mula dibuka pada 1 Ogos 2012. Mempunyai 20 bilik keseluruhannya dan berikut merupakan jenis-jenis bilik yang terdapat di dalam KOSMA Boutique Hotel.

Jenis Bilik	Kelengkapan
Bilik Standard	1 katil besar sahaja
Bilik Superior	1 katil besar sahaja
Bilik Deluxe	1 katil besar sahaja

- i. KOSMA Boutique Hotel mempunyai kemudahan seperti berikut:
 - a) Perkhidmatan kaunter 24 jam
 - b) Kawalan Keselamatan Kamera Litar Tertutup
 - c) Kemudahan Wi-Fi Percuma
 - d) Bilik dilengkapi dengan Penghawa Dingin
 - e) Bilik dilengkapi dengan Televisyen Led siaran Astro TV
 - f) Telefon
 - g) Pemanas Air
 - h) Seminar room (50-70 pax)
 - i) Kawalan keselamatan
 - j) Parking untuk penginap (terhad)
- ii. Dari segi pendapatan KOSMA Boutique Hotel bolehlah dirujuk di Laporan dan Penyata Kewangan KOSMA Holdings Sdn Bhd. bagi tempoh berakhir 31 Disember 2015.
- iii. "Occupancy rate" bagi jualan bilik KOSMA Boutique Hotel bagi tahun 2015 adalah 48.04%.

7.0 LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

- 7.1 Jawatankuasa Audit Dalaman telah mengadakan 5 kali mesyuarat dan senarai Kehadiran Mesyuarat adalah seperti berikut :-

Nama	Jawatan	Kehadiran
YH Dato' Haji Abdul Manan bin Abdul Rahman	Ketua	5/5
Tuan Haji Abdul Hamid bin Mohamed	Setiausaha	5/5
Encik Muslim bin Umar	Anggota	5/5
Encik Ahmad Zambri bin Ab Aziz	Anggota	5/5
Encik Ibrahim bin Ali	Anggota	5/5

- 7.2 Aktiviti JAD bagi sesi 2015/2016 ini adalah seperti berikut :-

Tarikh	Aktiviti
17.08.2015	Perbincangan dan penjadualan tugas-tugas audit.
18-19.08.2015	Pengauditan Ar-Rahnu dan Yayasan KOSMA bagi Suku Tahun Ke 3/2015
24.08.2015	Pengauditan Hotel boutique bagi Suku Tahun Ke 3/2015
25.08.2015	Pengauditan Hotel Boutique bagi Suku Tahun Ke 3/2015
26.08.2015	Pengauditan KOSMA Business Hotel bagi Suku Tahun ke 3/2015
03.09.2015	Mesyuarat JAD Bil 1-2015/2016
07-09.09.2015	Pengauditan Ladang KOSMA bagi Suku Tahun Ke 3/2015
10-11.09.2015	Menghadiri Majlis Menandatangani Memorandum MOU antara KOSMA/ Ho Hup Construction Co Bhd
11.09.2015	Lawatan Kerja Ar Rahnu KOSMA
14-17.09.2015	Pengauditan Ibu pejabat KOSMA bagi Suku Tahun ke 3/2015
19-22.09.2015	Menghadiri Konvensyen di Kota Baharu anjuran SKM 'Peranan Audit Dalam Terhadap Juruaudit Dalam Koperasi'.
28-29.09.2015	Perbincangan/Penyediaan Laporan Audit Suku Tahun Ke 3/2015
05.10.2015	Rumusan Laporan Audit bagi Suku Tahun ke 3/2015
08.10.2015	Penyediaan/perbincangan Akhir Laporan Audit bagi Suku Tahun ke 3/2015
15.10.2015	Lawatan Kerja Ke Ar Rahnu KOSMA
23.10.2015	Mesyuarat Khas Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Pelaburan bersama JAD (Exit Meeting)
26.10.2015	Perbincangan/Penyediaan semula laporan Audit bagi Suku Tahun Ke 3/2015
02-03.11.2015	Kursus Tatacara Pengauditan Perakaunan Koperasi (Wajib JAD)
24.11.2015	Menghadiri Mesyuarat Pengutup Pemeriksaan Usaha Wajar (DDE) Ke atas Koperasi KOSMA Bersama Suruhanjaya Koperasi Malaysia
26.11.2015	Mengemaskini maklumat berkaitan dengan pengauditan
30.11.2015	Lawatan Audit ke Ar-Rahnu KOSMA
02-03.12.2015	Penyediaan Kertas Pembentangan Seminar 'Pengauditan Tanda Aras Kejayaan Koperasi'
09.12.2015	Menghadiri Seminar dan Pembentangan Kertas Ceramah di Seminar 'Pengauditan Tanda Aras Kejayaan Koperasi' anjuran MKM Cawangan Timor
14.12.2015	Mesyuarat JAD Bil 2-2015/2016
30-31.12.2015	Pemantauan Stok Baja di Ladang-ladang KOSMA



05.01.2016	Pengauditan KOSMA Tourism Sdn Bhd bagi Suku Tahun Ke 4/2015
06.01.2016	Pengauditan Hotel Butik bagi Suku Tahun Ke 4/2015
08.01.2016	Pengauditan KOSMA Business Hotel, Ar-Rahnu dan Yayasan KOSMA bagi Suku Tahun Ke 4/2015
11-12.01.2016	Pengauditan Kompleks Ladang KOSMA bagi Suku Tahun Ke 4/2015
14-15 & 18.01.2016	Pengauditan Ibu pejabat KOSMA bagi Suku Tahun Ke 4/2015
25-26.01.2016	Perbincangan/Penyediaan Laporan Audit bagi Suku Tahun Ke 4/2015
15.02.2016	Mesyuarat JAD ke 3-2015/2016
17.02.2016	Perbincangan/penyediaan Laporan bagi Suku Tahun Ke 4/2015
22.02.2016	Pembentangan Laporan Audit bagi Suku Tahun Ke 4/2015
24-25.02.2016	Lawatan Kerja Audit ke Daerah Jerantut dan Temerloh
28.03.2016	Pengauditan KOSMA Tourism Sdn Bhd bagi Suku Tahun Pertama 2016
29.03.2016	Pengauditan Hotel Boutique bagi Suku Tahun Pertama 2016
30.03.2016	Pengauditan KOSMA Business Hotel bagi Suku Tahun Pertama 2016
31.03.2016	Pengauditan Ar Rahnu dan Yayasan KOSMA bagi Suku Tahun Pertama 2016
04-06.04.2016	Pengauditan Kompleks Ladang KOSMA bagi Suku Tahun Pertama 2016
11-14.04.2016	Pengauditan Ibu pejabat KOSMA bagi Suku Tahun Pertama 2016
18-19.04.2016	Perbincangan/Penyediaan Laporan Audit bagi Suku Tahun Pertama 2016
20.04.2016	Mesyuarat JAD yang Ke 4-2015/2016

7.3 Skop Audit

Laporan Audit ini dibuat berdasarkan hasil pengauditan ke atas aktiviti Kewangan, Pentadbiran, Sekretariat, Operasi Ladang, Perhotelan, Ar Rahnu dan Yayasan KOSMA mulai Julai 2015 hingga Jun 2016. Hasil penemuan audit adalah seperti berikut :-

7.4 Penemuan Audit Dalaman

7.4.1 Keanggotaan Tanpa Penama (UUK 18)

Dari semakan masih terdapat seramai 112 orang anggota yang belum mengemukakan Penama (berbanding 150 orang yang dilaporkan dalam AGM 2014).

Kegagalan mengemukakan Penama boleh menyebabkan ;

- Jika berlaku kematian akan menimbulkan masalah bagi menuntut bayaran Dividen dan lain-lain faedah.
- Dalam tempoh satu (1) tahun jika tuntutan tidak dibuat wang dividen dan apa-apa faedah akan diserahkan kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut dibawah Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Perkara ini akan lebih menyulitkan pewaris untuk menuntut di samping akan mengambil masa yang lama.

7.4.2 Gagal mengemukakan A/C Bank

Terdapat seramai 401 orang anggota yang belum mengemukakan nombor akaun bank kepada pihak pengurusan KOSMA.

Cadangan

Pihak pengurusan meneruskan usaha supaya semua anggota mengemukakan Penama dan juga Nombor Akaun Bank.



Ulasan Pengurusan

Bahagian sekretariat dan keanggotaan KOSMA telah dari semasa ke semasa menghantar notis pembukaan akaun bank dan borang penama juga setiap kali penghantaran buletin (setiap 3 bulan) akan dilampirkan dengan lampiran borang penama dan juga notis pembukaan akaun bank kepada setiap anggota. Notis serta makluman juga dibuat setiap kali majlis mesra dan juga program-program bersama anggota dijalankan di setiap daerah. Usaha ini masih dibuat sepanjang tahun dan juga setiap kali Mesyuarat Agung diadakan.

7.4.3 Kesimpulan dan Pandangan

Sesuai dengan kehendak Akta Koperasi 2003 dan Peraturan-Peraturan Koperasi 2010, pihak JAD keseluruhannya melaporkan bahawa berpuas hati dengan perjalanan Koperasi di segi tahap kawalan sedia ada dan perakaunan. Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan cara menilai aset dan liabiliti koperasi yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai.

7.5 Penghargaan dan Terima kasih

JAD merakamkan ucapan terima kasih kepada Anggota Lembaga KOSMA, Pengurusan KOSMA, Pengurus-pengurus Ladang Kumpulan Perlindungan KOSMA yang sentiasa memberikan kerjasama yang baik semasa pengauditan dijalankan. Adalah diharapkan kerjasama seumpama ini dapat dikekalkan sepanjang masa.

8.0 PERKEMBANGAN PADA TAHUN 2015

8.1 Maklumat Terkini Ladang-Ladang KOSMA

8.1.1 Keluasan kawasan yang matang bagi Ladang KOSMA yang terkini adalah:

Blok	Nama Ladang	Keluasan Kawasan Yang Matang 2014 (Hektar)	Keluasan Kawasan Yang Matang 2015 (Hektar)
1	Ladang Gajah Jinak	2,010.60	2,002.40
2	Ladang Sungai Kepasing	1,248.40	1,237.70
4	Ladang Bukit Serlai	1,017.10	710.90
6	Ladang KOSMA 6	1,866.00	1,614.00
7	Ladang KOSMA 7	1,413.80	1,196.80
8	Ladang KOSMA 8	2,448.80	2,448.80
9	Ladang KOSMA 9	2,170.30	2,170.30
Jumlah		12,175.00	11,380.90



8.1.2 Profil Umur Pokok Ladang KOSMA



Ladang	Profil Umur Pokok Kelapa Sawit	Peratusan (%)
LGJ, LBS, LK6, LK7, LK8 & LK9	< 18 tahun	53.0 %
LGJ, LSK & LBS	8 tahun-18 tahun	8.7 %
LGJ, LSK & LBS	4 tahun-7 tahun	13.1 %
LSK, LBS, LK6 & LK7	< 4 tahun	25.2 %
Jumlah		100.0 %

8.1.3 Maklumat penanaman semula ladang KOSMA bagi tahun 2015 :


Ladang	Luas (Ha)	Blok
Ladang Bukit Serlai	308.20	Blok C
Ladang KOSMA 6	253.00	Blok G
Ladang KOSMA 7	259.00	Blok D
Jumlah	820.20	

8.1.4 Kadar Perahan Minyak :

2015	2014	2013
20.00	19.57	19.19

8.1.4 Pengeluaran Hasil Terkini Ladang-Ladang KOSMA.

HASIL BTB 2014 & 2015



LADANG	HASIL 2014	PURATA HASIL/ HEKTAR 2014	HASIL 2015	PURATA HASIL/ HEKTAR 2015
LGJ	38,584.73	19.17	47,626.12	23.78
LSK	21,552.02	17.08	31,160.97	25.18
LBS	19,191.58	18.85	17,847.68	25.10
LK6	29,060.25	15.57	33,412.95	20.70
LK7	36,105.50	24.77	30,515.00	25.50
LK8	51,985.00	21.23	48,993.09	20.01
LK9	41,764.18	19.24	44,036.00	20.29
JUMLAH	238,243.26	19.47	253,591.81	22.28

Jumlah Keseluruhan Pengeluaran BTB Tahun 2015 : **253,591.81/m.t (22.28 m.t/ha)**

Kumpulan Perladangan KOSMA mencatatkan pengeluaran BTB berjumlah 253,591.81 mt. dalam tahun 2015 (Tahun 2014 : 238,243.26 mt). Purata pengeluaran hasil adalah 22.28 mt/ha (2014 : 19.47 mt/ha).

Hasil pengeluaran BTB menunjukkan peningkatan bagi tahun 2015 berbanding 2014. Selain daripada itu, profil umur pokok kelapa sawit Ladang KOSMA yang melebihi 18 tahun adalah 53.0%. Pokok sawit matang prima berumur 8 hingga 18 tahun adalah 8.7%, pokok sawit matang muda berumur 4 hingga 7 tahun adalah 13.1% dan pokok kelapa sawit muda, iaitu, kurang daripada empat (4) adalah 25.2%.

Perbandingan Purata Hasil KOSMA, Pahang dan Semenanjung Malaysia bagi Tahun 2012 sehingga Tahun 2015

Tahun	KOSMA	Pahang	Semenanjung Malaysia
2012	20.48 mt/ha	18.94 mt/ha	19.05 mt/ha
2013	21.51 mt/ha	20.21 mt/ha	19.26 mt/ha



2014	19.47 mt/ha	18.41 mt/ha	18.23 mt/ha
2015	22.28 mt/ha	18.55 mt/ha	18.80 mt/ha

8.2 Wujud Wawasan Sdn Bhd

8.2.1 Prestasi Kewangan

Wujud Wawasan Sdn Bhd (WWSB) (Ekuiti dimiliki oleh KOSMA sebanyak 49%) adalah merupakan sebuah syarikat bersekutu yang menguruskan Kilang Sawit KOSMA. Sehingga 31 Disember 2015, kedudukan kewangan WWSB berbanding tahun 2014 adalah seperti berikut :

	2015 (RM)	2014 (RM)
Aset Bukan Semasa (Non-current assets)	5,751,110	6,416,126
Aset Semasa (Current Assets)	28,072,850	29,248,072
Liabiliti Semasa (Current Liabilities)	15,595,662	17,546,058
Aset Semasa Bersih (Net current assets)	12,477,188	11,702,014
Liabiliti Bukan Semasa (Non current liabilities)	17,489,160	17,302,002

Daripada segi keuntungan pula berbanding tahun 2014 adalah seperti dinyatakan di bawah :

	2015 (RM)	2014 (RM)
Keuntungan Sebelum Cukai (Profit Before Tax)	5,129,294	4,762,690
Cukai (Tax)	(1,192,136)	(941,126)
Keuntungan Selepas Cukai (Profit After Tax)	3,937,158	3,821,564
Dividen sesaham (sen)	250	250

9.0 HARAPAN

Barisan kepimpinan KOSMA akan terus berusaha untuk membawa KOSMA ke arah yang lebih maju di samping menceburi bidang-bidang baru sebagai tambahan kepada aktiviti utama KOSMA. Memberikan pulangan dan manfaat yang terbaik kepada anggota-anggota sentiasa menjadi objektif utama kepimpinan KOSMA. Harapan Anggota Lembaga KOSMA agar usaha Anggota Lembaga ini sentiasa mendapat sokongan padu dan jitu daripada anggota-anggota sekalian.

10.0 PENGHARGAAN

Anggota-Anggota Lembaga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Jawatankuasa Audit Dalam, anggota-anggota, pegawai dan kakitangan serta semua pihak yang terlibat dalam usaha mempertingkatkan prestasi KOSMA.

AGENDA : 4
KERTAS BIL : KMA. 04/2015

